

PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

Kami percaya bahawa tadbir urus korporat yang kukuh dan disokong oleh kepimpinan yang mantap serta amalan pengurusan yang baik dapat menyumbang kepada peningkatan integriti, kebertanggungjawaban dan ketelusan. Kami akan terus menumpukan usaha untuk meningkatkan kesedaran dan mempraktikkan tadbir urus korporat yang baik. Sebagai sebuah organisasi dana persaraan terbesar di Malaysia dengan aset pelaburan berjumlah RM1,000.10 bilion, kami berusaha menjadi peneraju dalam pelaburan lestari berlandaskan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam pertimbangan pelaburan kami.

Pada tahun ini, KWSP meneruskan usaha untuk meningkatkan kesedaran tadbir urus korporat dan amalan tadbir urus korporat dengan melaksanakan pelbagai inisiatif.

PENGURUSAN RISIKO RASUAH

KWSP telah membangunkan mekanisme Pengurusan Risiko Rasuah (*Corruption Risk Management*) melalui sistem Q-Radar sejak tahun 2019. Ia merupakan salah satu inisiatif antirasuah yang dilaksanakan oleh KWSP sepertimana yang telah dinyatakan di dalam Pelan Integriti dan Antirasuah KWSP. Pada tahun 2019, sebanyak 10 jabatan telah melaksanakan Pengurusan Risiko Rasuah, diikuti dengan tambahan tiga jabatan dalam tahun 2020, yang menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 13 jabatan. Jabatan-jabatan yang telah melaksanakan Pengurusan Risiko Rasuah adalah seperti berikut:

- (a) Jabatan Perbendaharaan
- (b) Jabatan Pasaran Persendirian
- (c) Jabatan Ekuiti Domestik
- (d) Jabatan Ekuiti Luar Negara
- (e) Jabatan Pasaran Modal
- (f) Jabatan Penguatkuasaan
- (g) Jabatan Infrastruktur Digital
- (h) Jabatan Pengurusan Harta
- (i) Jabatan Pengurusan Perolehan Bekalan
- (j) Jabatan Perkhidmatan Pelaburan
- (k) Jabatan Penyelesaian Teras Digital
- (l) Jabatan Penyelesaian Enterpris Digital
- (m) Jabatan Keselamatan Digital

PROGRAM KOMUNIKASI DAN JANGKAUAN INTEGRITI

Tahun 2020 merupakan tahun yang sangat mencabar kerana penularan wabak COVID-19 di seluruh dunia. Ia telah memberikan impak besar terhadap banyak perkara seperti gaya hidup, aktiviti sosial, produktiviti dan pekerjaan. KWSP juga turut terkesan dengan pandemik ini dan tidak mempunyai banyak pilihan untuk mengadakan program secara bersemuka atau fizikal. Bagaimanapun, KWSP cepat bertindak menyesuaikan dengan keadaan semasa dan beralih kepada kaedah teknologi digital.

KWSP telah memperluas program komunikasi dan kesedaran kepada anggota tentang integriti dan antirasuah bagi mendidik dan memberi kesedaran berkenaan integriti melalui platform digital. Program yang dijalankan ialah Hari Integriti 2020 (HIT20), kuiz atas talian "You vs. Integrity", *Krew Integrity Outreach Program* (KOP) menerusi aplikasi Telegram, Kajian Perlakuan Beretika untuk anggota, Kajian Integriti dan Tadbir Urus untuk Lembaga KWSP dan Pengurusan Tertinggi, Video Edu Promo Integriti, E-mel Kesedaran Integriti, Portal Integriti dan Taklimat Kesedaran Integriti melalui aplikasi Zoom.

PELAN INTEGRITI DAN ANTIRASUAH KWSP

Kerajaan telah melancarkan *National Anti-Corruption Plan (NACP) 2019 – 2023* pada awal tahun 2019 bagi mencapai aspirasi "Malaysia Dikenali Kerana Integriti Dan Bukannya Rasuah". Semua kementerian, jabatan, agensi dan organisasi perlu membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dalam tempoh setahun dan melaporkan status kepada Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Kementerian Kewangan setiap suku tahun.

Jabatan Integriti & Tadbir Urus (JITU), berpandukan *National Anti-Corruption Plan (NACP)* telah membangunkan Pelan

PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

Antirasuah Organisasi dan diberikan nama **Pelan Integriti dan Antirasuah KWSP** yang merangkumi aspek tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam organisasi. Pelan Integriti dan Antirasuah KWSP ini telah diluluskan oleh Lembaga pada 29 April 2020.

STRUKTUR PELAPORAN JABATAN INTEGRITI & TADBIR URUS (JITU)

Selaras dengan Arahan Perdana Menteri Siri 1 No.1/2018, berkenaan dengan Pemantapan Tadbir Urus, Integriti Dan Antirasuah Dalam Pengurusan - Penubuhan Unit Integriti Dan Tadbir Urus yang dikeluarkan pada 5 Oktober 2018, KWSP telah menambah baik struktur pelaporan dengan melaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga melalui Jawatankuasa Integriti Pengurusan. Lembaga pada 29 April 2020, telah meluluskan struktur pelaporan baharu ini bagi memastikan JITU dapat berfungsi dengan lebih bebas, adil dan bersifat berkecuali dalam memberikan khidmat nasihat kepada Lembaga, Pengurusan dan anggota KWSP.

POLISI ANTIRASUAH BAHARU

KWSP telah memperkenalkan dua polisi antirasuah baharu bagi meningkatkan integriti, tadbir urus dan menutup ruang dan peluang berlaku rasuah. Polisi ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga pada 30 November 2020. Ringkasan berkenaan polisi tersebut adalah seperti berikut:

(a) Polisi Antirasuah KWSP

Polisi Antirasuah ini adalah salah satu inisiatif Pengurusan seperti yang terdapat di dalam Pelan Integriti dan Antirasuah KWSP. Ia menjadi prinsip panduan dan sumber rujukan utama anggota mengenai pembasmian rasuah, salah guna kuasa dan konflik kepentingan.

(b) Polisi Tajaan dan Sumbangan/Derma KWSP

Objektif polisi ini ialah membantu anggota menguruskan pengendalian tajaan dan sumbangan atau derma selaras dengan amalan tadbir urus baik.

PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH

Selaras dengan arahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) supaya semua Unit Integriti Organisasi mempunyai Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO), KWSP telah mempunyai tiga (3) orang Pegawai Integriti Bertauliah di Jabatan Integriti dan Tadbir Urus (JITU). Semua pegawai di JITU disasarkan akan mempunyai pentauliah *Certified Integrity Officer (CeIO)* menjelang 2022.



PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

PROSES PELANTIKAN LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan serta Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) dilantik oleh Menteri Kewangan. Menteri Kewangan hanya melantik mereka yang telah terbukti mempunyai rekod integriti, kebolehan dan kebolehpercayaan untuk menjalankan tanggungjawab mereka dengan berkesan. Setiap lantikan adalah untuk penggal dua tahun.

KOMPOSISI LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Akta KWSP 1991 menetapkan bahawa keahlian Lembaga tidak boleh melebihi 20 orang ahli, termasuk Pengerusi dan KPE. Pada tahun 2020, terdapat 20 ahli Lembaga yang mewakili pelbagai pihak berkepentingan iaitu:

- (a) Pengerusi;
- (b) Lima ahli mewakili Kerajaan termasuk wakil daripada Kementerian Kewangan yang juga dilantik sebagai Timbalan Pengerusi;
- (c) Empat ahli mewakili Majikan;
- (d) Empat ahli mewakili Pekerja;
- (e) Lima ahli Profesional dari pelbagai latar belakang; dan
- (f) KPE sebagai ahli *ex-officio*.

Panel Pelaburan yang diketuai oleh Pengerusi KWSP terdiri daripada tujuh anggota:

- (a) Pengerusi;
- (b) Seorang ahli mewakili Kementerian Kewangan yang juga turut dilantik sebagai Timbalan Pengerusi;
- (c) Empat ahli Profesional; dan
- (d) KPE sebagai ahli *ex-officio*.

Ahli Lembaga KWSP dan Panel Pelaburan terdiri daripada individu yang berprestasi tinggi, kemahiran dan kompetensi yang pelbagai serta pengalaman yang luas.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Lembaga memikul beberapa tanggungjawab tertentu seperti menyelia pelaksanaan dasar-dasar berkaitan dengan operasi KWSP, mengenal pasti bidang berisiko dan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk mengurus risiko ini, serta mengkaji kecukupan, dan integriti sistem kawalan dalaman.

Lembaga juga bergantung kepada nilai integriti dan ketekunan wajar pengurusan kanan, juruaudit luar dan penasihat untuk menyelia prestasi keseluruhan, inisiatif utama operasi, pelan kewangan dan bajet tahunan, ulasan prestasi kewangan, pengurusan risiko dan amalan tadbir urus korporat.

Akta KWSP 1991 memperuntukkan penubuhan Panel Pelaburan untuk menyediakan hala tuju strategik berkaitan pelaburan. Panel Pelaburan menentukan serta meluluskan aktiviti pelaburan sejajar dengan garis panduan, polisi risiko dan alokasi aset.

Pengerusi dan KPE

Peranan dan tanggungjawab Pengerusi dan KPE diasingkan selaras dengan amalan terbaik dan untuk memastikan keseimbangan kuasa, penyeliaan pengurusan, serta peningkatan kebertanggungjawaban dan kebebasan.

Pengerusi mengetuai dan memastikan perbincangan yang efektif dan komprehensif mengenai perkara-perkara yang dibawa ke Lembaga dan Panel Pelaburan. Hal ini termasuk isu-isu strategik serta perancangan pelaburan. Pengerusi juga berperanan memantau keputusan Lembaga dan Panel Pelaburan agar diterjemahkan dalam tindakan eksekutif.

Peranan utama KPE adalah untuk menguruskan operasi dan pelaburan KWSP secara berkesan, sejajar dengan strategi dan polisi serta menyediakan pengawasan, bimbingan, nasihat dan kepimpinan kepada pengurusan kanan.

Penilaian Keberkesanan Lembaga dan Panel Pelaburan (BEE/IPEE)

KWSP melaksanakan Penilaian Keberkesanan Lembaga dan Panel Pelaburan (BEE/IPEE) untuk menilai prestasi Lembaga, Panel Pelaburan, Jawatankuasa Audit Lembaga, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga, Jawatankuasa Strategi KWSP, Lembaga Perolehan dan Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan termasuk ke atas Pengerusi dan KPE. Penilaian ini adalah tambahan kepada penilaian ahli Lembaga secara individu dan penilaian oleh rakan kumpulan. Penilaian ini dijalankan sekali setiap dua tahun oleh badan profesional yang bebas.

Kepelbagaian Lembaga dan Panel Pelaburan

Selaras dengan amalan tadbir urus yang baik, KWSP bertekad dalam memastikan kepelbagaian dalam Lembaga dan Panel Pelaburan agar berfungsi dengan cekap. Lembaga dan Panel Pelaburan berusaha untuk membawa bersama-sama pelbagai pengalaman, kemahiran, pengetahuan, latar belakang industri, etnik dan jantina untuk mencapai objektif pelaburan dan prestasi tadbir urus.

PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

Kehadiran Lembaga dan Panel Pelaburan

Sebanyak 11 mesyuarat Lembaga dan 26 mesyuarat Panel Pelaburan telah diadakan pada tahun 2020. Butiran kehadiran ahli di mesyuarat ini adalah seperti berikut.

	Lembaga	Jawatankuasa Audit Lembaga	Jawatankuasa Pengurusan Risiko	Jawatankuasa Kewangan Dan Pembangunan	Jawatankuasa Strategi	Jawatankuasa Perjawatan, Pelantikan & Perkhidmatan	Jawatankuasa Tatatertib Lembaga	Jawatankuasa Rayuan Lembaga	Lembaga Perolehan
Tan Sri Samsudin Osman (Tamat perkhidmatan pada 15 Mac 2020)	3/3	-	-	-	-	-	-	-	-
Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir (Dilantik berkuat kuasa pada 1 Mei 2020)	7/7	-	-	4/4	-	-	-	1/1	-
Zakiah Jaafar (Timbalan Pengerusi) (Dilantik berkuat kuasa pada 1 Februari 2020)	10/11	3/9	-	4/5	-	-	-	-	-
Datin Setia Nik Roslini Raja Ismail (Ahli Silih Ganti) (Dilantik berkuat kuasa pada 1 April 2020)									
Tan Sri Mohd Khairul Adib Abdul Rahman (Dilantik berkuat kuasa pada 2 Januari 2020)	9/11	-	-	-	-	2/2	-	1/1	-
Datuk Seri Haji Suhaime Mahbar (Ahli Silih Ganti) (Dilantik berkuat kuasa pada 1 April 2020)									
Dato' Amir Omar (Tamat perkhidmatan pada 1 September 2020)	6/8	-	-	-	2/4	-	1/1	-	-
Betty Hassan (Ahli Silih Ganti) (Dilantik berkuat kuasa pada 1 April 2020 dan tamat perkhidmatan pada 1 September 2020)									
Dato' Jamil Rakon (Dilantik berkuat kuasa pada 1 September 2020)	3/3	-	-	-	-	-	1/1	-	-
Datuk Amar Jaul Samion Dato' Sri Haji Mohamad Abu Bakar Marzuki (Ahli Silih Ganti)	8/11	-	2/4	-	-	-	-	-	-
Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar Untong (Dilantik berkuat kuasa pada 1 April 2020)	5/8	-	-	-	-	2/2	1/2	-	-
Datuk (Datu) Rosmadi Datu Sulai (Ahli Silih Ganti) (Dilantik berkuat kuasa pada 1 April 2020)									
Tan Sri Azman Shah Haron (Tamat perkhidmatan pada 15 Mac 2020)	3/3	-	1/1	-	1/1	-	-	-	-
Dato' Dr. Syed Hussain Syed Husman (Dilantik berkuat kuasa pada 1 November 2020)	3/3	-	1/1	-	1/2	-	1/1	-	-
Datuk Mohd Hasnol Ayub	9/11	-	-	5/5	2/3	2/2	-	1/1	-
Datuk Dr. Ting Ding Ing (Philip)	11/11	9/9	-	-	6/6	-	1/1	-	7/7
Tan Sri Dr. Lim Wee Chai (Tamat perkhidmatan pada 31 Disember 2020)	9/11	-	-	-	-	2/2	-	-	-
Dato' Abdul Halim Mansor	11/11	-	-	-	6/6	-	-	1/1	-
Tuan Haji Adnan Mat	11/11	-	-	5/5	-	2/2	-	-	7/7
Hadijah Leen	11/11	9/9	-	-	6/6	-	2/2	-	-
Catherine Jikunan	11/11	-	5/5	-	-	-	-	1/1	7/7
Datuk Thomas George A/L M.S George	11/11	-	5/5	-	6/6	-	-	1/1	7/7
Khalid Haji Sufat	11/11	9/9	-	5/5	-	2/2	-	-	-
Zainal Abidin Mohd Kassim	11/11	8/9	-	-	6/6	-	2/2	-	-
Dato' Mohammed Azlan Hashim (Dilantik berkuat kuasa pada 1 September 2020)	3/3	-	-	-	-	-	-	-	-
Datuk Ruben Emir Gnanalingam Abdullah (Dilantik berkuat kuasa pada 1 September 2020)	3/3	-	-	-	-	-	-	-	-
Alizakri Alias (Tamat perkhidmatan pada 28 Februari 2021)	11/11	-	5/5	5/5	6/6	2/2	-	-	7/7

PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

	Panel Pelaburan	Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan
	Kehadiran	Kehadiran
Tan Sri Samsudin Osman (Pengerusi) (Tamat perkhidmatan pada 1 Mei 2020)	8/8	-
Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir	14/16	-
Dato' Mohammed Azlan Hashim (Dilantik berkuat kuasa pada 1 September 2020)	10/10	-
Adnan Zaylani Mohamad Zahid (Tamat perkhidmatan pada 15 Mac 2020)	2/5	-
Dr. Sivabalasingam Veerasingam (Dilantik berkuat kuasa pada 1 Mei 2020)	13/16	-
David Lau Nai Pek (Tamat perkhidmatan pada 1 November 2020)	20/21	4/4
Rossana Annizah Ahmad Rashid	26/26	5/5
Dato' Md Agil Mohd Natt	26/26	5/5
Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad (Dilantik berkuat kuasa pada 1 November 2020)	5/5	1/1
Tan Sri Dato' Sri Norza Zakaria (Dilantik berkuat kuasa pada 1 November 2020 & Tamat perkhidmatan pada 3 Disember 2020)	1/2	-
Alizakri Alias (Tamat perkhidmatan pada 28 Februari 2021)	25/26	5/5

IMBUHAN AHLI LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan dibayar Elaun Tetap Bulanan (ETB) dan Elaun Kehadiran Mesyuarat bagi setiap mesyuarat yang dihadiri. Butiran imbuhan bagi Lembaga bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:

Elaun Tetap Bulanan dan Elaun Kehadiran Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan

Jenis Elaun	Lembaga (RM)	Panel Pelaburan (RM)	Lembaga/ Panel Pelaburan/ Jawatankuasa Audit Lembaga/ Jawatankuasa Pengurusan Risiko/ Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan/ Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Lembaga (RM)	Jawatankuasa Lembaga Lain (RM)
Elaun Tetap Bulanan	5,000	5,000	-	-
Pengerusi Mesyuarat	-	-	2,000	1,500
Kehadiran Mesyuarat termasuk Ahli Silih Ganti	-	-	1,500	1,300

Pada tahun 2020, jumlah bayaran Elaun Tetap Bulanan dan Elaun Kehadiran Mesyuarat Lembaga dan Panel Pelaburan adalah sebanyak RM2,108,063.87.

Emolumen Pengurusan Kanan

Jawatan	Emolumen (RM)
Ketua Pegawai Eksekutif dan Timbalan-Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif	9,027,542.51

KUALITI DAN PENYAMPAIAN MAKLUMAT KEPADA LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Untuk membantu ahli Lembaga dan ahli Panel Pelaburan mengikuti perkembangan terkini prestasi operasi dan kewangan KWSP, isu-isu utama, cabaran, dan peluang, Pengurusan KWSP telah mengeluarkan laporan operasi dan pelaburan serta penyata kewangan kepada Lembaga dan Panel Pelaburan secara berterusan dan menepati masa.

PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

JAWATANKUASA LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Lembaga dan Panel Pelaburan telah menubuhkan beberapa Jawatankuasa Lembaga dan Panel Pelaburan untuk mengawal selia perkara-perkara spesifik berkaitan dengan operasi organisasi. Setiap jawatankuasa melaksanakan tanggungjawab mengikut terma rujukan yang telah ditetapkan.

Jawatankuasa	Komposisi	Fungsi Utama
Jawatankuasa Audit	Lima orang ahli termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> Membantu Lembaga dalam menilai keberkesanan kawalan dalaman, pengurusan risiko (kecuali dalam aktiviti membuat keputusan pelaburan) dan proses tadbir urus KWSP. Mengawasi proses pelaporan kewangan dan kualiti pelaporan penyata kewangan tahunan dan suku tahunan KWSP. Mempertimbangkan kesesuaian polisi perakaunan KWSP dan perubahan-perubahan kepada polisi ini. Sebanyak sembilan mesyuarat telah diadakan pada tahun 2020 bagi membincangkan laporan juruaudit dalaman dan juruaudit luar, serta mengawasi perkara-perkara berkaitan fungsi audit dalam dan pelan audit untuk tahun semasa. Mempunyai hubungan profesional dan rasmi dengan juruaudit luar dan telah mengadakan satu mesyuarat bersama juruaudit luar pada tahun 2020 tanpa kehadiran pihak Pengurusan.
Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga	Lima orang termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> Bertanggungjawab membantu Lembaga dalam mengawasi semua aktiviti pengurusan risiko operasi, kecuali aktiviti dalam membuat keputusan pelaburan. Sebanyak lima mesyuarat telah diadakan pada tahun 2020.
Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan	Empat orang termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> Mengawasi risiko pelaburan termasuk mencadangkan tahap risiko pelaburan, meluluskan polisi, had serta metodologi pengukuran risiko pelaburan serta menyediakan hala tuju berhubung dengan amalan pengurusan risiko dalam fungsi pelaburan. Sebanyak lima mesyuarat telah diadakan dalam tahun 2020.
Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan	Enam orang ahli termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> Bertanggungjawab untuk meluluskan belanjawan tambahan tidak melebihi 5% daripada jumlah belanjawan tahunan yang diluluskan oleh Lembaga. Membantu Lembaga dalam meluluskan perkara-perkara yang berkaitan dengan kesan kewangan seperti hapus kira kerugian (selain yang berkaitan dengan pelaburan). Sebanyak lima mesyuarat telah diadakan pada tahun 2020.
Jawatankuasa Strategi KWSP	Lapan orang ahli termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> Mengkaji secara terperinci cadangan pindaan dan perubahan dasar yang berkaitan dengan Skim KWSP. Memperakukan apa-apa cadangan dan perubahan dasar untuk kelulusan Lembaga. Memantau prestasi organisasi dan pencapaian inisiatif-inisiatif strategik. Sebanyak enam mesyuarat telah diadakan dalam tahun 2020.
Jawatankuasa Perjawatan, Pelantikan dan Perkhidmatan	Tujuh orang ahli termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> Bertanggungjawab untuk membantu Lembaga dalam mempertimbangkan dan meluluskan hal-hal berkaitan perjawatan termasuk terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan. Sebanyak dua mesyuarat telah diadakan dalam tahun 2020.
Jawatankuasa Tata tertib Lembaga	Lima orang ahli termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> Bertanggungjawab terhadap apa-apa prosiding tata tertib dan mengenakan apa-apa bentuk hukuman kepada anggota KWSP sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kaedah-kaedah dan Peraturan KWSP (Kelakuan dan Tata tertib) 1993. Sebanyak dua mesyuarat telah diadakan dalam tahun 2020.
Jawatankuasa Rayuan Tata tertib Lembaga	Tujuh orang ahli termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> Bertanggungjawab untuk mempertimbangkan apa-apa rayuan oleh anggota terhadap keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Tata tertib. Sebanyak satu mesyuarat telah diadakan pada tahun 2020.
Lembaga Perolehan	Lima orang ahli termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> Bertanggungjawab bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan perolehan kerja, perkhidmatan dan bekalan barangan melainkan pelantikan perkhidmatan perunding berkaitan pelaburan. Sebanyak tujuh mesyuarat telah diadakan pada tahun 2020.

PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN

Selain daripada jawatankuasa utama Lembaga dan Panel Pelaburan, jawatankuasa pengurusan yang lain telah ditubuhkan dan melaporkan terus kepada KPE atau pengurusan kanan yang berkaitan.

Jawatankuasa Pengurusan	Fungsi Utama
Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> Mencadangkan aktiviti pelaburan sejajar dengan garis panduan, polisi risiko kawalan dan alokasi aset kepada Panel Pelaburan. Terdiri daripada 12 orang ahli termasuk KPE (atau Timbalan KPE semasa ketiadaan KPE) sebagai Pengerusi Mesyuarat. Sebanyak 52 mesyuarat diadakan pada tahun 2020.
Jawatankuasa Perolehan Pengurusan (Strategik)	<ul style="list-style-type: none"> Bertanggungjawab bagi perkara-perkara berkaitan dengan perolehan kerja, perkhidmatan dan bekalan yang melibatkan perolehan kompleks dan membawa manfaat jangka panjang. Terdiri daripada pengurusan kanan termasuk KPE sebagai pengerusi mesyuarat. Sebanyak 10 mesyuarat telah diadakan dalam tahun 2020.
Jawatankuasa Perolehan Pengurusan (Non-Strategik)	<ul style="list-style-type: none"> Bertanggungjawab bagi perkara-perkara berkaitan dengan perolehan kerja, perkhidmatan dan bekalan barangan yang berkaitan dengan urusan harian dan operasi. Terdiri daripada pengurusan kanan termasuk Ketua Pegawai Kewangan sebagai Pengerusi mesyuarat. Sebanyak 7 mesyuarat telah diadakan dalam tahun 2020.

KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT

Pelaporan Kewangan

Lembaga berhasrat untuk menyediakan penilaian yang jelas, seimbang dan komprehensif terhadap prestasi kewangan dan prospek KWSP melalui penyata kewangan tahunan. Hal ini adalah tambahan kepada pembekalan pernyataan yang telus dan terkini mengenai prestasi kewangan dan prospek melalui pengumuman keputusan suku tahunan kepada pihak yang berkepentingan. Sila rujuk halaman 133 dalam Laporan Tahunan ini.

Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Lembaga dan pengurusan komited kepada sistem kawalan dalaman, polisi dan prosedur yang teguh untuk memastikan kepentingan pihak yang berkepentingan dan aset KWSP dilindungi. Sila rujuk halaman 59 dalam Laporan Tahunan ini untuk mendapatkan Pernyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman.

Tanggungjawab Korporat

KWSP percaya bahawa perlu ada keseimbangan antara penciptaan nilai dan tanggungjawab korporat.

KOMUNIKASI DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

KWSP percaya bahawa komunikasi dengan pihak berkepentingan membentuk satu bahagian penting dalam rangka kerja tadbir urus korporat dan mengakui keperluan untuk berurusan secara telus. KWSP menerbitkan laporan suku tahunan mengenai aktiviti pelaburan yang terdiri daripada maklumat alokasi aset, hasil pendapatan daripada setiap kelas aset, dan jumlah saiz dana. Dokumen ini juga melaporkan 30 syarikat teratas pelaburan ekuiti pada setiap suku tahun untuk memastikan ketelusan dan memberikan pihak berkepentingan maklumat mengenai pegangan KWSP dalam syarikat tersenarai awam di Malaysia.

KWSP akan terus mengadakan dialog dengan syarikat-syarikat pelaburan. Pada tahun 2020, Pengurusan telah melawat sebanyak 2 syarikat dalam negara. KWSP juga telah menghadiri dan mengundi secara aktif dalam 99 mesyuarat agung tahunan dan 16 mesyuarat agung luar biasa syarikat yang mana KWSP melabur.

Selaras dengan KWSP yang kini memainkan peranan yang lebih aktif dalam mengawal selia pelaburannya, KWSP telah melantik wakil-wakilnya dalam lembaga pengarah syarikat tersenarai dan tidak tersenarai. Setakat 31 Disember 2020, KWSP mempunyai wakilnya dalam 15 syarikat tersenarai dan 31 syarikat tidak tersenarai.


PERNYATAAN TADBIR URUS SYARIAH BAGI SIMPANAN SHARIAH

Simpanan Syariah merupakan satu pilihan simpanan bagi ahli yang diuruskan dan dilaburkan oleh KWSP mengikut prinsip syariah.

Sebuah rangka kerja tadbir urus syariah telah diwujudkan bagi memastikan setiap aspek operasi dan pelaburan Simpanan Syariah diuruskan mengikut syariah sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 43A Akta KWSP 1991.

STRUKTUR TADBIR URUS SYARIAH

Struktur tadbir urus syariah di bawah rangka kerja ini adalah seperti berikut:



Komponen	Fungsi Berkaitan Simpanan Syariah
Lembaga	<ul style="list-style-type: none"> Menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Syariah (JKPS) yang mempunyai kuasa untuk menentukan perkara berkaitan syariah, bertujuan menasihati Lembaga dan Panel Pelaburan dalam memastikan pengurusan Simpanan Syariah mematuhi prinsip syariah. Merujuk kepada JKPS mengenai apa-apa perkara berkenaan dengan syariah dan yang menghendaki penentuan prinsip syariah. Lembaga adalah terikat kepada nasihat yang diberikan oleh JKPS. Mewujudkan rangka kerja patuh syariah.
Panel Pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> Merujuk kepada JKPS mengenai apa-apa perkara berkenaan dengan pelaburan yang melibatkan syariah dan yang menghendaki penentuan prinsip syariah. Panel Pelaburan adalah terikat kepada nasihat yang diberikan oleh JKPS.

PERNYATAAN TADBIR URUS SYARIAH BAGI SIMPANAN SHARIAH

Komponen	Fungsi Berkaitan Simpanan Syariah
Jawatankuasa Penasihat Syariah	<ul style="list-style-type: none"> Menentukan pelaksanaan prinsip syariah bagi apa-apa perkara yang berkaitan dengan Simpanan Syariah. Menasihati Lembaga dan Panel Pelaburan mengenai apa-apa perkara berkenaan dengan syariah dan tafsiran prinsip syariah yang berkaitan dengan Simpanan Syariah. Menentusahkan dan meluluskan laporan pematuhan syariah berhubung dengan pengurusan Simpanan Syariah bagi laporan tahunan KWSP.
Pengurusan	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan operasi dan pelaburan Simpanan Syariah mematuhi prinsip syariah sepenuhnya dengan merujuk kepada JKPS untuk mendapatkan nasihat mengenai perkara yang berkaitan dengan syariah dan melaksanakan setiap ketetapan JKPS.
Rangka kerja patuh syariah	<ul style="list-style-type: none"> Terdapat empat fungsi yang diwujudkan oleh Lembaga di bawah rangka kerja ini: <ol style="list-style-type: none"> Penyelidikan dan penasihat syariah – bertanggungjawab ke atas penyelidikan syariah dan pemberian nasihat syariah. Pemantauan dan semakan syariah – bertanggungjawab ke atas pemantauan dan semakan pematuhan syariah bagi maksud penilaian berterusan ke atas tahap pematuhan syariah. Pengurusan risiko syariah – bertanggungjawab ke atas pengurusan risiko ketidakpatuhan syariah bagi maksud mengurangkan kemungkinan berlakunya ketidakpatuhan syariah berdasarkan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi KWSP. Audit syariah – bertanggungjawab ke atas pengauditan syariah termasuk penilaian bebas mengenai kecukupan dan keberkesanan kawalan dalaman, sistem pengurusan risiko, proses tadbir urus dan jaminan objektif ke atas pematuhan polisi dan garis panduan syariah yang diluluskan oleh JKPS.

PELANTIKAN AHLI JKPS

Lembaga hendaklah melantik tidak kurang daripada tiga individu sebagai ahli JKPS yang mempunyai kelayakan dalam syariah, atau mempunyai pengetahuan atau pengalaman dalam syariah dan perbankan, kewangan, undang-undang atau bidang lain yang berkaitan.

Lembaga juga menetapkan bahawa ahli JKPS hendaklah mempunyai pengalaman minimum lima tahun berkaitan kewangan Islam dan dua pertiga daripada ahlinya hendaklah mempunyai ijazah dalam syariah termasuk *Fiqh al-Muamalat* atau *Usul al-Fiqh*. Setiap pelantikan adalah untuk tempoh dua tahun dan boleh dilantik semula.

Pada tahun 2020, Lembaga melantik semula lima orang ahli JKPS termasuk Pengerusi JKPS, yang merupakan cendekiawan syariah terkemuka dalam bidang kewangan dan perbankan Islam di luar dan dalam negara.

KEHADIRAN MESYUARAT JKPS

Sebanyak 14 mesyuarat JKPS, termasuk tiga mesyuarat khas, telah diadakan pada tahun 2020. Perincian kehadiran ahli JKPS adalah seperti berikut:

Ahli JKPS	Kehadiran Mesyuarat
Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin (Pengerusi)	14/14
Prof. Madya Dr Aznan Hasan (Timbalan Pengerusi)	14/14
Dr. Zaharuddin Abdul Rahman	13/14
Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah Engku Ali	13/14
Prof. Madya Dr. Kamaruzaman Noordin	14/14

Pengurusan KWSP telah melantik Jabatan Undang-undang sebagai sekretariat JKPS.

PERNYATAAN TADBIR URUS SYARIAH BAGI SIMPANAN SHARIAH

HONORARIUM DAN ELAUN JKPS

Ahli JKPS dibayar honorarium dan elaun kehadiran bagi setiap mesyuarat yang dihadiri sepanjang tahun 2020 seperti berikut:

- (a) Honorarium (sebulan): RM5,000.00.
- (b) Kehadiran mesyuarat: RM1,500.00.

AKSES KEPADA MAKLUMAT DAN DOKUMEN

Bagi membantu JKPS melaksanakan fungsinya, Pengurusan KWSP telah memberikan JKPS akses kepada semua maklumat dan dokumen yang diperlukan, dan JKPS dikehendaki melindungi kerahsiaan maklumat dan dokumen tersebut.

LIBAT URUS JKPS DENGAN LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

JKPS terlibat sama dalam beberapa sesi perbincangan bersama Lembaga dan Panel Pelaburan dalam perkara-perkara yang melibatkan Simpanan Syariah.


LAPORAN JKPS

Bagi setiap tahun kewangan, satu Laporan semakan Syariah berhubung dengan pengurusan Simpanan Syariah yang diluluskan oleh JKPS akan dikemukakan di dalam Laporan Tahunan KWSP.

POLISI SYARIAH UNTUK SIMPANAN SHARIAH

Rangka kerja tadbir urus syariah diperkukuhkan oleh polisi dan prosedur terperinci untuk memastikan pelaksanaan setiap transaksi mematuhi keperluan syariah. JKPS telah merumuskan polisi syariah untuk Simpanan Syariah yang berkaitan dengan aspek operasi, pelaburan, kewangan dan pengendalian pendapatan tidak patuh syariah. Antaranya adalah seperti berikut:

1. Model Operasi Simpanan Syariah



PERNYATAAN TADBIR URUS SYARIAH BAGI SIMPANAN SHARIAH

Simpanan Syariah menggunakan model pengurusan berasaskan portfolio seperti berikut:

- (a) Simpanan Syariah dan Simpanan Konvensional wujud bersama di bawah satu kumpulan wang yang diuruskan oleh Lembaga.
- (b) Ahli yang memilih Simpanan Syariah tertakluk kepada akad Wakalah, yang mana ahli bersetuju melantik Lembaga KWSP sebagai wakil dan pemegang amanah untuk mengurus dan melaburkan kesemua kredit (simpanan) di dalam akaun ahli mengikut prinsip syariah.
- (c) Selain tertakluk kepada tadbir urus korporat KWSP, Simpanan Syariah juga tertakluk kepada rangka kerja tadbir urus syariah dan polisi syariah berkaitan operasi dan pelaburan yang ditetapkan oleh JKPS dari semasa ke semasa.
- (d) Aset-aset pelaburan KWSP diasingkan kepada dua portfolio, iaitu portfolio syariah dan portfolio konvensional. Simpanan Syariah hanya melabur dalam portfolio syariah.
- (e) Simpanan Syariah memanfaatkan struktur dan tenaga kerja sedia ada dengan penambahbaikan kepada aspek perundangan, proses operasi, dan sistem teknologi maklumat bagi memenuhi keperluan-keperluan syariah seperti yang ditetapkan oleh JKPS.

2. Pelaburan Patuh Syariah

Selain daripada pelaburan beretika yang melarang daripada melabur dalam sektor yang menghasilkan dan mempromosikan alkohol, perjudian, hiburan dewasa, tembakau dan senjata ketenteraan, semua aset pelaburan KWSP juga akan melalui proses saringan syariah berdasarkan kriteria dan garis panduan syariah yang ditetapkan oleh JKPS yang bertujuan menyingkirkan elemen tidak patuh syariah seperti *riba* (faedah), *gharar* (ketidakpastian dalam kontrak), *maysir* (perjudian) dan elemen-elemen terlarang yang lain seperti barangan dan perkhidmatan tidak halal.

Untuk memastikan pematuhan syariah menyeluruh ke atas pelaburan Simpanan Syariah, JKPS telah menetapkan polisi syariah berkaitan pematuhan dan pemantauan pelaburan patuh syariah yang dikemaskini dari semasa ke semasa.

Setakat 31 Disember 2020, sebanyak 40% atau **RM401.99 bilion** daripada pelaburan KWSP adalah dalam portfolio syariah. Kesemua aset bagi portfolio syariah adalah pelaburan patuh syariah manakala portfolio konvensional mengandungi kedua-dua aset patuh syariah dan tidak patuh syariah.

Memandangkan jumlah baki simpanan ahli bagi Simpanan Syariah adalah lebih rendah berbanding jumlah aset dalam portfolio syariah, kedua-dua Simpanan Syariah dan Simpanan Konvensional bersama-sama melabur dalam portfolio syariah. Pendapatan yang terhasil daripada portfolio syariah dialokasikan kepada Simpanan Syariah mengikut bahagiannya dalam portfolio tersebut.

3. Pengkelasan Semula Pelaburan Patuh Syariah

Pelaburan KWSP seperti ekuiti tersenarai dan ekuiti persendirian, hartanah dan infrastruktur adalah tertakluk kepada saringan syariah berkala yang bertujuan untuk menyemak status syariah bagi pelaburan tersebut.

Untuk pelaburan dalam ekuiti tersenarai, saringan syariah akan dijalankan berdasarkan semakan berkala oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (MPS SC) bagi pasaran domestik dan pembekal indeks syariah yang dilanggan oleh KWSP bagi pasaran global.

Saringan syariah terhadap pelaburan dalam ekuiti persendirian, hartanah dan infrastruktur akan dijalankan secara dalaman pada setiap tahun berdasarkan kriteria dan garis panduan saringan syariah yang ditetapkan oleh JKPS.

Mana-mana pelaburan di atas yang gagal melepasi saringan syariah akan dikelaskan semula sebagai pelaburan tidak patuh syariah dan akan dipindahkan ke portfolio konvensional.

Sebaliknya, mana-mana pelaburan dalam portfolio konvensional yang berjaya melepasi saringan syariah akan dikelaskan semula sebagai pelaburan patuh syariah dan akan dipindahkan ke portfolio syariah.

Bagi mandat pelaburan patuh syariah yang diuruskan oleh pengurus dana luar, sebarang instrumen patuh syariah yang dikelaskan semula sebagai tidak patuh syariah akan dilupuskan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh MPS SC.

4. Pengendalian Pendapatan Tidak Patuh Syariah

Pada tahun 2020, sebahagian besar pendapatan tidak patuh syariah diperoleh daripada caj lewat bayar yang dikenakan terhadap kelewatan bayaran caruman oleh majikan; dan keuntungan penjualan saham yang dikelaskan semula daripada patuh

PERNYATAAN TADBIR URUS SYARIAH BAGI SIMPANAN SHARIAH

syariah kepada tidak patuh syariah oleh pengurus dana luar mandat syariah ekuiti luar negara.

Caj lewat bayar dan/atau dividen yang dikenakan terhadap majikan dan pihak-pihak lain yang lewat membayar caruman atau apa-apa obligasi kewangan yang perlu dibayar kepada KWSP adalah bertujuan melindungi kepentingan ahli dan sebagai langkah pencegahan.

Bagi Simpanan Syariah, JKPS membenarkan caj tersebut dikenakan sebagai langkah pencegahan dan penalti kepada pihak yang mungkir, sama ada dalam bentuk *ta'widh* (pampasan) atau *gharamah* (penalti melebihi kadar *ta'widh*). *Ta'widh* yang diluluskan oleh JKPS boleh direkodkan sebagai pendapatan patuh syariah, manakala sebarang amaun melebihi kadar *ta'widh* adalah pendapatan tidak patuh syariah.

Sebarang transaksi yang disyaki tidak patuh syariah juga dilaporkan kepada JKPS untuk menentukan status syariah transaksi tersebut termasuk apa-apa pendapatan yang diperoleh daripadanya.

JKPS menetapkan bahawa pendapatan tidak patuh syariah hanya boleh digunakan untuk perbelanjaan yang dibenarkan iaitu aktiviti kebajikan seperti bayaran caj berkanun (manfaat kematian, manfaat hilang upaya dan kos invokasi), dan sebarang lebihan pendapatan tidak patuh syariah (jika ada), boleh digunakan untuk perbelanjaan operasi dan perbelanjaan pelaburan tidak langsung.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, jumlah pendapatan tidak patuh syariah adalah sebanyak RM37.13 juta dan digunakan kesemuanya untuk kebajikan ahli melalui bayaran caj berkanun.

5. Dividen

Polisi dividen bagi Simpanan Syariah dikemukakan kepada JKPS bagi mendapatkan pandangan dan perakuan syariah.

Dividen tahunan bagi Simpanan Syariah adalah berdasarkan prestasi sebenar pelaburan patuh syariah KWSP di bawah portfolio syariah, iaitu pendapatan nyata pelaburan patuh syariah dan bukan pelaburan setelah mengambil kira perbelanjaan, yang diperuntukkan kepada Simpanan Syariah mengikut bahagiannya dalam portfolio syariah.

Dividen Simpanan Syariah yang diisytiharkan oleh Lembaga bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 adalah sebanyak 4.90%.

PERKARA SYARIAH BERKAITAN AHLI YANG BERAGAMA ISLAM

1. Zakat Simpanan KWSP

JKPS melalui mesyuarat-mesyuarat JKPS telah berbincang dan memberi pandangan berhubung isu-isu berkaitan zakat simpanan KWSP seperti berikut:

- (a) Tanggungjawab membayar zakat simpanan KWSP adalah terletak pada ahli beragama Islam yang telah memenuhi syarat-syarat wajib zakat.
- (b) Simpanan yang telah sempurna milik (*milkuh taam*) iaitu simpanan yang boleh dikeluarkan dan digunakan tanpa sebarang sekatan (*haq tasarruf kaamil*) adalah tertakluk kepada Zakat *Mal Mustafad* sekiranya mencapai syarat jumlah minima (*nisab*) tanpa perlu menunggu tempoh wajib zakat (*haul*).
- (c) Walaupun *haul* tidak disyaratkan, adalah wajar bagi ahli yang sedang menghadapi kesukaran atau ketidakpastian dari segi kewangan terutamanya dalam tempoh pandemik COVID-19 untuk menunggu tempoh wajib pembayaran zakat (*haul*) sebelum membayar zakat sekiranya mencapai *nisab*.
- (d) Simpanan yang dikeluarkan bagi tujuan perbelanjaan *hajjah asliyah* iaitu keperluan asas diri sendiri atau tanggungannya seperti tempat tinggal, makan dan minum, kesihatan, pendidikan dan pengangkutan atau membayar hutang boleh ditolak daripada simpanan yang tertakluk kepada zakat.
- (e) Sekiranya ahli ada melakukan beberapa pengeluaran dalam tempoh tertentu, jumlah zakat ditentukan dengan mengambil kira semua pengeluaran yang dibuat dalam tempoh setahun, mengikut tempoh wajib pembayaran zakat (*haul*) ahli.
- (f) Sekiranya ahli tidak membuat pengeluaran simpanan yang telah sempurna milik atau hanya membuat pengeluaran sebahagian simpanan sahaja, baki simpanan yang boleh dikeluarkan adalah tertakluk kepada hukum zakat simpanan dan pengiraan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa zakat negeri dengan mengambil kira kesemua simpanan lain ahli yang belum dizakatkan sekiranya mencapai *haul* dan *nisab*.

PERNYATAAN TADBIR URUS SYARIAH BAGI SIMPANAN SHARIAH

Jenis-jenis pengeluaran yang tertakluk kepada pembayaran zakat:

- (a) Pengeluaran Umur 50 Tahun;
- (b) Pengeluaran Umur 55 Tahun;
- (c) Pengeluaran Umur 60 Tahun;
- (d) Pengeluaran Meninggalkan Negara;
- (e) Pengeluaran Pekerja Berpencen Dan Pengeluaran Pesara Pilihan;
- (f) Pengeluaran Simpanan Melebihi RM1 Juta; dan
- (g) Pengeluaran-pengeluaran lain yang tidak dibelanjakan bagi tujuan keperluan asas atau kelangsungan hidup ahli dan tanggungannya.

2. Penamaan

Penamaan ialah satu pengisytiharan secara bertulis yang dibuat oleh ahli dalam Borang KWSP 4 bagi melantik atau menamakan mana-mana individu atau Amanah Raya Berhad sebagai penama.

Bagi ahli yang beragama Islam, penama hanya bertindak sebagai wasi (pentadbir) yang bertanggungjawab untuk mengagihkan simpanan ahli yang telah meninggal dunia kepada waris-waris yang berhak mengikut Undang-Undang Islam.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-49 yang bersidang pada 19 September 2000 telah membincangkan Wang Simpanan KWSP, SOCSO dan seumpamanya bagi ahli beragama Islam yang meninggal dunia.

Muzakarah telah memutuskan bahawa:

- (a) Wang KWSP dan wang disimpan adalah pusaka yang mesti dibahagikan mengikut hukum faraid.
- (b) Penama KWSP adalah wasi atau pentadbir harta. Penama hendaklah membahagikan wang KWSP (peninggalan si mati) mengikut hukum faraid.

3. Penyucian Dividen

Ahli beragama Islam yang telah memilih Simpanan Syariah dikecualikan daripada keperluan melakukan penyucian terhadap dividen KWSP yang diterima sebelum Simpanan Syariah mula ditawarkan, iaitu dividen bagi tahun kewangan 2016 dan sebelumnya. Selain itu, sebarang dividen Simpanan Konvensional yang dikreditkan ke akaun ahli selepas memilih Simpanan Syariah (kerana akaun Simpanan Syariah belum berkuat kuasa) juga dikecualikan daripada disucikan kerana ahli tidak mempunyai hak untuk menentukan tarikh kuat kuasa akaun Simpanan Syariah.

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang telah diadakan pada 18 Ogos 2015 juga telah memutuskan bahawa KWSP tidak diwajibkan untuk melakukan penyucian terhadap dividen simpanan semua ahli KWSP yang bersetuju untuk bertukar ke Simpanan Syariah.

Walau bagaimanapun, ahli beragama Islam yang baru memilih untuk menukar akaun ke Simpanan Syariah selepas tahun 2017 dinasihatkan untuk melakukan penyucian ke atas dividen Simpanan Konvensional berdasarkan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-87 yang bersidang pada 23-25 Jun 2009:

"Di dalam Islam, harta-harta yang diperolehi dengan cara yang tidak mematuhi syariah seperti riba, gharar, perjudian, penipuan, rompakan, rampasan, rasuah dan seumpamanya adalah haram dan tidak boleh digunakan untuk manfaat dan kepentingan diri sendiri serta perlu dibersihkan melalui kaedah-kaedah berikut:

- (a) *Diserah kepada Baitulmal untuk masalah-masalah umum umat Islam seperti membiayai pembinaan atau penyelenggaraan jambatan, jalan, tandas dan seumpamanya; atau*
- (b) *Diserah kepada golongan fakir miskin."*

Kadar penyucian dividen Simpanan Konvensional 2020 adalah sebanyak 69% daripada jumlah dividen yang dikreditkan ke akaun ahli.

LAPORAN JAWATANKUASA PENASIHAT SHARIAH

Dengan nama Allah, yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.

Segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad, ahli keluarga dan para sahabat baginda serta pengikut-pengikut mereka.

Kami, ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah KWSP (JKPS) telah menyemak pelaburan dan operasi KWSP berhubung Simpanan Syariah bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 bagi memberikan pandangan sama ada Simpanan Syariah telah mematuhi prinsip syariah dan ketetapan berkenaan perkara berkaitan syariah yang dibuat oleh JKPS dan dengan ini membentangkan laporan JKPS bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020:

1. JKPS telah menasihati Lembaga dan Panel Pelaburan berkenaan perkara-perkara syariah yang dikemukakan oleh Pengurusan KWSP melalui keputusan-keputusan syariah yang telah dibuat oleh JKPS berhubung operasi dan pelaburan Simpanan Syariah bagi memastikan pematuhan kepada prinsip-prinsip syariah termasuk ketetapan dan piawaian syariah di dalam dan luar negara yang diiktiraf oleh JKPS.
2. Pengurusan KWSP dipertanggungjawabkan untuk memastikan Simpanan Syariah diuruskan mengikut prinsip syariah dengan merujuk kepada JKPS bagi mendapatkan nasihat mengenai perkara syariah dan melaksanakan segala ketetapan dan polisi syariah yang ditentukan oleh JKPS. Pengurusan KWSP juga telah mengadakan sesi libat urus bersama dengan JKPS dalam membuat ketetapan berhubung Polisi Pelaburan Lestari KWSP.
3. Dalam menasihati KWSP mengenai perkara syariah, JKPS telah menerima semua maklumat dan penjelasan daripada Pengurusan KWSP yang dianggap perlu untuk JKPS membuat keputusan syariah.
4. JKPS juga disokong oleh fungsi penyelidikan dan penasihat syariah, serta pemantauan dan semakan syariah, yang menyediakan pengawasan pematuhan syariah harian bagi Simpanan Syariah. Selain itu, audit dalaman melaksanakan penilaian sistem kawalan dalaman dan pematuhan ke atas semua polisi dan prosedur yang diputuskan oleh JKPS secara berkala.
5. Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia berikutan pandemik COVID-19, JKPS telah melaksanakan tanggungjawabnya selaras dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh KWSP, termasuk pelaksanaan mesyuarat secara maya.
6. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, sebanyak 14 mesyuarat telah diadakan bagi membincangkan perkara-perkara berikut:
 - (a) Saringan dan isu-isu syariah berhubung cadangan pelaburan patuh syariah dan pelaburan sedia ada KWSP, termasuk dokumen-dokumen berkaitan;
 - (b) Inisiatif pelaburan patuh syariah, termasuk penetapan garis panduan syariah bagi pelaburan ekuiti persendirian di bawah akaun terurus berasingan patuh syariah;
 - (c) Isu-isu syariah berhubung pengurusan operasi Simpanan Syariah, termasuk pelaksanaan Simpanan Syariah;
 - (d) Kajian-kajian syariah yang dilaksanakan oleh Seksyen Perkhidmatan Syariah;
 - (e) Pengemaskinian rangka kerja tadbir urus syariah dan polisi serta garis panduan pematuhan syariah bagi pelaburan dan operasi Simpanan Syariah, termasuk perkara-perkara syariah yang berkaitan dengan pelaporan kewangan dan polisi dividen; dan
 - (f) Laporan pengkelasan semula pelaburan patuh syariah dan laporan pendapatan tidak patuh syariah.
7. JKPS juga telah menerima dan membincangkan laporan semakan syariah yang dikemukakan oleh Seksyen Pematuhan Syariah pada setiap suku tahun berdasarkan Pelan Pematuhan Syariah yang telah diluluskan oleh JKPS bagi tahun 2020. Hal ini dilaksanakan bagi tujuan penilaian berterusan ke atas tahap pematuhan syariah bagi aktiviti berkaitan operasi dan pelaburan yang melibatkan Simpanan Syariah berhubung produk serta kemudahan baru, saringan syariah tahunan ke atas pegangan KWSP dalam pelaburan aset alternatif, pengendalian pendapatan tidak patuh syariah, pelaburan dalam sekuriti hutang persendirian Islamik serta pembiayaan patuh Syariah.

LAPORAN JAWATANKUASA PENASIHAT SHARIAH

8. Jabatan Audit Dalam (JAD) telah melaksanakan semakan ke atas aktiviti operasi dan aktiviti pelaburan berkaitan dengan Simpanan Syariah. Keputusan semakan telah dimaklumkan kepada Pengurusan KWSP dan telah dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga. JAD juga melaksanakan pemantauan ke atas penemuan audit yang dikenalpasti untuk memastikan tindakan penyelesaian dilaksanakan dengan efektif. Penemuan audit dan status tindakan penyelesaian telah dimaklumkan kepada JKPS.
9. JKPS juga mengambil maklum tentang segala usaha yang wajar telah diambil untuk memperbetulkan jurang yang dikenal pasti dan tindakan pengurusan untuk mencegah jurang yang serupa daripada berulang.
10. JKPS berpendapat:
 - (a) Kontrak, transaksi, dan urusniaga yang telah dilaksanakan oleh KWSP berhubung Simpanan Syariah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 yang telah disemak oleh JKPS adalah mematuhi prinsip syariah;
 - (b) Pengagihan keuntungan dan kerugian bagi Simpanan Syariah seperti yang didedahkan di bawah Nota 32.3 kepada Penyata Kewangan adalah menepati asas-asas yang telah diperakukan oleh JKPS mengikut prinsip syariah; dan
 - (c) Semua pendapatan yang diperoleh Simpanan Syariah daripada sumber tidak patuh syariah berjumlah RM37.13 juta seperti yang didedahkan di bawah Nota 32.4 kepada Penyata Kewangan telah digunakan untuk aktiviti kebajikan iaitu bayaran manfaat kematian, manfaat hilang upaya dan kos invokasi.

Kami, ahli-ahli JKPS, dengan ini mengesahkan Simpanan Syariah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 telah diuruskan selaras dengan prinsip syariah.

Bagi pihak JKPS,



NAMA : **PROF. DR. MOHAMAD AKRAM BIN LALDIN**
 JAWATAN:: PENERUSI JKPS
 TARIKH: : 3 Jun 2021

Bagi pihak JKPS,



NAMA : **PROF. MADYA DR. AZNAN BIN HASAN**
 JAWATAN:: TIMBALAN PENERUSI JKPS
 TARIKH: : 8 Jun 2021

PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO

RANGKUMAN

Pandemik COVID-19 bukan sahaja telah mengganggu kehidupan seharian kita dengan sangat ketara malahan terhadap ekonomi, baik di peringkat domestik mahupun global. Pada tahun 2020, KWSP terus berhadapan dengan ketidakstabilan pasaran yang tidak menentu, perubahan landskap politik yang mencabar, kelemahan matawang ringgit dan persekitaran geopolitik yang masih belum reda. Semua ini membentuk landskap ekonomi, kewangan dan risiko secara berterusan. Menyedari perkara ini, KWSP sentiasa berusaha untuk mengukuhkan dan memperingkatkan sistem pengurusan risiko sedia ada agar kekal relevan dan berdaya tahan terhadap perubahan landskap risiko bagi memastikan risiko dalam organisasi diuruskan dengan berkesan.

Sejajar dengan aspirasi KWSP untuk mensasarkan sepenuhnya pematuhan terhadap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) menjelang 2030, penilaian bebas risiko yang memfokuskan isu ESG telah mula dilaksanakan ke atas semua cadangan-cadangan pelaburan yang juga merupakan sebahagian daripada inisiatif KWSP untuk menerapkan kemampanan dalam semua keputusan berkaitan pelaburan.

STRUKTUR PENGURUSAN RISIKO

Struktur pengurusan risiko KWSP menetapkan tanggungjawab dan akauntabiliti bagi proses pengurusan risiko dengan jelas, serta menggariskan tanggungjawab utama pengurusan risiko dan kawalan. Lembaga dan Panel Pelaburan KWSP mengawasi keseluruhan pengurusan risiko organisasi dan dibantu oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga (BRMC) dan Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan (IPRC) untuk mengawasi semua aktiviti pengurusan risiko operasi, mengesyorkan kecenderungan risiko (*risk appetite*) dan memperuntukkan bajet risiko.




PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO

TADBIR URUS PENGURUSAN RISIKO

KWSP percaya bahawa struktur tadbir urus yang kukuh adalah penting bagi memastikan pelaksanaan pengurusan risiko yang berkesan dan konsisten dalam seluruh organisasi. Untuk mencapai matlamat tersebut, tadbir urus risiko meletakkan akauntabiliti dan pemilikan antara tiga baris pertahanan iaitu Jabatan, Cawangan dan Pengurusan yang sentiasa terlibat dalam perbincangan yang sihat dan produktif mengenai hal-hal berkaitan risiko utama serta pemrosesannya. Hal ini akan mewujudkan budaya pengamalan risiko yang mantap.

Bagi meningkatkan lagi pengurusan risiko di KWSP, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Digital (DRMC) telah ditubuhkan pada tahun 2020 bertujuan memberikan panduan terhadap perancangan dan operasi dalam bidang teknologi di KWSP. Ia juga bertanggungjawab untuk mengawalselia perkembangan dan penyelenggaraan Maklumat / Keselamatan Siber serta Program Pengurusan Risiko Teknologi di KWSP. Seterusnya, bagi menyokong struktur tadbir urus risiko ini, polisi dan prosedur berstruktur juga dibangunkan untuk menangani semua bidang risiko utama di KWSP.

Rajah di bawah menunjukkan Struktur Tadbir Urus Risiko KWSP yang terdiri daripada tiga barisan pertahanan.



TAHAP RISIKO (RISK APPETITE)

Tahap Risiko KWSP menentukan jumlah, tahap dan jenis risiko yang boleh dan sanggup diterima oleh KWSP demi mencapai objektif strategiknya. Ia juga menggariskan tahap toleransi risiko dan had untuk mentadbir, mengurus dan mengawal aktiviti pengambilan risiko KWSP.

Penyataan Tahap Risiko dalam pelaburan pula menentukan tahap risiko yang sanggup diterima oleh KWSP dan menjadi asas bagi peruntukan dana pelaburan. Peruntukan aset kerap dikaji semula bagi memastikan dana yang dilaburkan adalah mengikut kecenderungan risiko KWSP.

PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO

PENGURUSAN RISIKO ORGANISASI

Pengurusan Risiko Operasi

Pengurusan Risiko Operasi (ORM) mendokong dan menambah nilai semua aktiviti KWSP dari segi operasi kerana ORM adalah penting dalam proses membuat keputusan dan budaya korporat di KWSP. Empat bidang utama pengurusan risiko operasi ialah:

- Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi
- Metodologi dan Proses Pengurusan Risiko Operasi
- Kad Skor Risiko Korporat
- Pengurusan Kesyinambungan Perniagaan


Rangka Kerja Pengurusan Operasi

Melalui penerapan Rangka Kerja ORM (MS ISO 31000: 2018 Pengurusan Risiko – Prinsip Dan Garis Panduan) dan proses-proses yang mantap, KWSP mampu mengurus risikonya secara berkesan dengan mengurangkan impak terhadap tahap yang boleh diterima. Rangka kerja ini sentiasa dikaji semula bagi memastikan ia kekal diguna pakai dan relevan.

Metodologi dan Proses Pengurusan Risiko Operasi

Unsur-unsur utama dalam proses pengurusan risiko operasi adalah seperti berikut:

- Mewujudkan konteks:** Menyatakan objektif organisasi dan menentukan parameter luaran dan dalaman yang perlu diambil kira dalam mengurus risiko.
- Penaksiran risiko:** Merangkumi proses mengenal pasti risiko, analisis risiko dan penilaian risiko.
- Menangani risiko:** Tindakan yang diperlukan untuk mencegah, mengesan atau mengurus risiko bersih kepada tahap yang boleh diterima.
- Komunikasi dan perundingan:** Perbincangan dua hala antara Jabatan Pengurusan Risiko dan pihak berkepentingan tentang kewujudan, sifat, bentuk, tahap keseriusan atau kebolehterimaan sesuatu risiko.
- Memantau dan mengkaji semula:** Kedua-dua aktiviti ini adalah terancang dan merupakan aspek yang penting dalam proses pengurusan risiko yang melibatkan pemeriksaan atau pemantauan yang kerap.
- Perekodan dan pelaporan:** Butiran dan minit mesyuarat direkodkan dan dilaporkan secara berkala.



PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO

Kad Skor Risiko Korporat

Metodologi Kad Skor Risiko Korporat menerapkan modul Penilaian Kendiri Risiko dan Kawalan (*Risk and Control Self-Assessment - RCSA*) yang membolehkan anggota KWSP melaksanakan penilaian sendiri dan mengemaskini profil risiko mereka. Kad Skor Risiko Korporat dilaksanakan melalui sistem ORM yang merekodkan pemilikan dan butiran risiko, kawalan, tindakan pengurusan dan memasukkan perubahan dalam kad skor risiko. Kesemua unit perniagaan menggunakan kad skor risiko sebagai alat untuk mengurus risiko mereka dengan berkesan.

Akses kepada sistem ORM disediakan di seluruh organisasi agar semua Pemilik Kad Skor Risiko, Pemilik Risiko, Pemilik Kawalan dan Pemilik Tindakan Pengurusan boleh melaksanakan aktiviti RCSA secara berkesan. Sebanyak 110 kad skor risiko telah disediakan pada tahun 2020, yang merangkumi kad skor risiko bagi Pengurusan Tertinggi – Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Pegawai Teknologi Digital, Ketua Pegawai Strategi, Ketua Pegawai Pelaburan diikuti dengan 36 jabatan, 2 seksyen serta 68 cawangan. Risiko KWSP dipantau dan diurus oleh barisan pengurusan yang memiliki risiko itu.


Pemilik kad skor, risiko, kawalan dan tindakan pengurusan dikehendaki memberi jaminan melalui proses *Corporate Digital Assurance (CDA)* iaitu pengesahan digital sebanyak empat kali setahun kepada pihak Pengurusan bagi membuktikan bahawa mereka telah mengurus risiko dalam profil mereka dengan sewajarnya.

Penunjuk Risiko Utama (KRI) yang dikenal pasti dalam kad skor risiko, berfungsi memberikan amaran awal bagi membolehkan KWSP memantau risiko yang berpotensi sebelum perkara tersebut menjadi lebih serius.

Jabatan Pengurusan Risiko melaporkan dan membentangkan isu-isu yang berkaitan dengan pengurusan risiko kepada MORC, BRMC, DRMC dan Lembaga KWSP secara berkala sebagai maklumat dan/atau untuk membuat keputusan.

Metodologi Kad Skor Risiko Korporat

Metodologi yang menggariskan kad skor risiko korporat dinyatakan dalam rajah di bawah:



TADBIR URUS

PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO

Pengurusan Kesenambungan Perniagaan

Pelaksanaan Pengurusan Kesenambungan Perniagaan di KWSP adalah berdasarkan tiga komponen berikut:

- (a) **Kesediaan sumber manusia**
Ini merujuk kepada pembangunan pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan bencana yang dilaksanakan melalui program kesedaran, bimbingan, tunjuk cara, perkongsian maklumat, latihan simulasi krisis dan i-pembelajaran mengenai BCM.
- (b) **Kesediaan infrastruktur**
Sistem dan peralatan di Pusat Pemulihan Bencana diuji untuk memastikan ianya berada dalam keadaan tersedia dan berfungsi dengan baik. Infrastruktur sedia ada juga dipastikan agar mencukupi bagi memenuhi aktiviti kesenambungan perniagaan sekiranya berlaku apa-apa bencana.
- (c) **Kesediaan pelan**
Pada tahun 2020, berpunca daripada penularan wabak COVID-19, KWSP mula menggunakan saluran teknologi untuk menerapkan komponen BCM bagi memastikan program tersebut berjalan dengan lancar dan mencapai objektifnya. Peraturan cara kerja baru seperti bekerja dari rumah, operasi pasukan secara penggiliran, mesyuarat dan latihan secara maya diperkenalkan sebagai norma baharu di KWSP.


Norma baharu ini telah menjadi keutamaan KWSP di samping pematuhan terhadap garis panduan COVID-19. Semua anggota KWSP berjaya menyesuaikan diri dengan norma baharu ini kerana ketersediaan dari segi tenaga kerja (sumber manusia), rancangan dan infrastruktur yang siap sedia untuk digerakkan setiap kali berlakunya bencana.

Sepanjang pandemik COVID-19, sebuah Jawatankuasa iaitu *EPF COVID-19 Command Centre (CCC)* telah ditubuhkan untuk memantau keadaan pandemik di KWSP dengan memastikan komunikasi disalurkan dengan lebih cepat dan baik kepada semua anggota KWSP. Jawatankuasa Pemantauan Bencana yang sedia ada turut digunakan untuk mengemaskini isu atau status berkaitan COVID-19 dan memberi arahan mengenai sebarang kejadian atau bencana yang akan mempengaruhi KWSP di seluruh negara.

Pada masa yang sama, Pelan Kesenambungan Perniagaan (BCP) sentiasa dikaji semula dan dikemaskini berdasarkan fungsi kerja semasa bagi memastikan kesediaan organisasi pada setiap masa. Hal ini melibatkan semua bahagian, jabatan dan cawangan di KWSP.

Rangka Kerja Pengurusan Kesenambungan bermatlamat untuk membangunkan Pelan Kesenambungan Perniagaan yang diselaraskan dengan baik dan konsisten bagi membolehkan KWSP bertindak balas secara berkesan terhadap gangguan kepada perniagaan, menyambung operasi utama dalam tempoh masa yang diperlukan, di samping mengurangkan kos kerosakan dan gangguan kepada operasi perniagaan selepas berlakunya bencana.

Rajah di bawah menunjukkan komponen Rangka Kerja Pengurusan Kesenambungan Perniagaan KWSP:



PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO


PENGURUSAN RISIKO PELABURAN

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Pelaburan

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Pelaburan mentadbir proses pelaburan KWSP dan memastikan kawalan dan prosedur pengurusan risiko yang berkesan tersedia untuk membuat keputusan pelaburan.

Rangka Kerja ini menyediakan pendekatan dalam mengurus risiko sedia ada dan yang berpotensi berlaku dalam portfolio pelaburan KWSP serta membolehkan KWSP mengukur, menaksir, memantau dan mengurus risiko portfolionya menggunakan proses yang berstruktur. Dengan ini, KWSP dapat memastikan pulangan yang optimum daripada aktiviti pelaburannya dengan mengambil kira tahap kecenderungan risiko yang diluluskan oleh Lembaga.

Rangka kerja pengurusan risiko pelaburan diterangkan dalam rajah di bawah:



Risiko Pasaran

Risiko pasaran merupakan risiko kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai portfolio dan instrumen kewangan disebabkan oleh pergerakan kadar faedah, tukaran asing dan harga ekuiti.

Objektif pengurusan risiko pasaran adalah untuk memastikan pendedahan risiko yang diambil oleh KWSP berada dalam tahap kecenderungan risikonya. Ini dilaksanakan menerusi semakan tahunan ke atas pelbagai polisi dan had risiko, laporan berkala untuk memantau risiko pelaburan di peringkat portfolio bagi setiap kelas aset, dan pengesahan bebas yang dilaksanakan ke atas metodologi pendasar risiko:

- (a) **Had penumpuan terhadap nama, pemilikan, negara dan sektor** – untuk memastikan kepelbagaian dalam pendedahan risiko.
- (b) **Nilai berisiko (VaR)** – pengukuran statistik untuk menilai kerugian yang berpotensi disebabkan oleh pergerakan kadar faedah dan harga dalam sesuatu tempoh masa berdasarkan tahap keyakinan.
- (c) **Tempoh masa** – mengurus sensitiviti harga bagi pelaburan berpendapatan tetap sebagai kesan daripada pergerakan kadar faedah.
- (d) **'Tracking Error'** – merujuk kepada sisihan piawai bagi pulangan lebih portfolio berbanding penanda aras, dalam mengukur dan menanda aras prestasi portfolio.
- (e) **'Backtesting'** – proses pengesahan yang dilaksanakan untuk mengkaji semula ketepatan metodologi risiko yang digunakan untuk mengukur VaR bagi portfolio pendapatan tetap dan ekuiti.
- (f) **Ujian tekanan** – Ujian yang dijalankan untuk mengukur potensi pendedahan risiko pasaran dalam senario 'what-if'. Ia menggabungkan faktor-faktor seperti korelasi, kemudahubuhan dan pulangan dalam senario yang berbeza.

PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO

Risiko Kredit

Risiko kredit berlaku apabila suatu pihak gagal memenuhi obligasi pembayaran yang mengakibatkan kerugian. Pendedahan risiko kredit KWSP berkait secara langsung dengan aktiviti pelaburan dalam instrumen pendapatan tetap, ekuiti persendirian, serta kelas aset hartanah dan infrastruktur.

Pengurusan risiko kredit KWSP melibatkan analisis kredit yang terperinci, metodologi penaksiran risiko yang mendalam dan piawaian penajajaminan yang berhemat. Di samping itu, KWSP sentiasa mengkaji semula dan mengemas kini metodologi penaksiran risiko dan piawaian penajajaminan kreditnya bagi memastikan keselarasan dengan amalan terbaik industri serta setanding dengan rakan institusi lain.

Pada peringkat portfolio, langkah-langkah pengurusan risiko kredit berikut telah dilaksanakan bagi mengurus pendedahan risiko kredit:

- (a) Had risiko kredit dan Pencetus Tindakan Pengurusan (*Management Action Triggers - MAT*) yang merangkumi kriteria kredit umum minimum dipertimbangkan untuk pelaburan termasuk penumpuan nama dan pendedahan rakan niaga.
- (b) Sistem portfolio kredit untuk mengukur risiko kredit portfolio yang berkaitan dengan penggunaan Nilai Kredit Berisiko (*Credit-Value-at-Risk - CVaR*).
- (c) Kajian semula secara berkala terhadap templat penarafan kredit dalaman sedia ada bagi pihak penanggung obligasi dalam memastikan kesesuaiannya.
- (d) Kesedaran/budaya kredit yang tinggi seluruh kakitangan berkaitan pelaburan di KWSP melalui penglibatan aktif bersama mereka pada semua peringkat.

Pada peringkat urus niaga, pengurusan risiko kredit yang berikut telah diambil kira dalam mengurus risiko kredit:

- (a) Penilaian bebas risiko dilakukan bagi setiap cadangan pelaburan baharu yang dibentangkan kepada mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan dan Panel Pelaburan bagi tujuan membuat keputusan.
- (b) Pemantauan rapi terhadap perubahan kepada pelaburan sedia ada melalui penilaian secara *ad-hoc* serta secara berkala.

- (c) Instrumen penarafan kredit untuk mengukur kelayakan kredit atau Kebarangkalian Mungkir (*Probability of Default - PD*) penanggung obligasi, seperti berikut:
 - (i) **Templat Penarafan Korporat** yang menyediakan penarafan risiko dalaman bagi penanggung obligasi korporat.
 - (ii) **Templat Penarafan Institusi Kewangan** yang menyediakan penarafan risiko dalaman bagi penanggung obligasi institusi kewangan.
 - (iii) **Instrumen Kredit** yang mengukur Ke kerap an Jangkaan Mungkir (*Expected Default Frequency - EDF*) atau Kebarangkalian Mungkir sebagai alat untuk memberi amaran awal bagi pemantauan rapi KWSP terhadap penanggung obligasi berkenaan.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan merujuk kepada ketidakmampuan KWSP untuk memenuhi komitmen dan obligasi kewangannya apabila perlu dijelaskan. Risiko kecairan KWSP adalah terhad kerana semua caruman yang termaktub dalam Akta KWSP 1991 adalah melalui potongan gaji dan pencarum dibenarkan untuk membuat pengeluaran di bawah skim pra-persaraan dan persaraan. KWSP mengurus keperluan kecairan melalui:

- (a) Pemantauan aliran tunai harian dan membuat jangkaan aliran tunai bulanan mengikut tempoh sehingga 12 bulan.
- (b) Peruntukan sebanyak tiga peratus daripada nilai aset KWSP untuk instrumen jangka pendek dalam bentuk tunai dan penempatan dalam institusi kewangan bagi memenuhi pengeluaran pencarum dan komitmen kewangan serta obligasi lain.
- (c) Kepelbagaian portfolio pelaburan menerusi penetapan had penumpuan nama, sektor dan jenis aset.

Dalam jangka masa sederhana dan lebih panjang, KWSP berupaya memenuhi keperluan kecairannya melalui pegangan pelaburan yang cair seperti ekuiti yang didagangkan secara awam dan sekuriti pendapatan tetap yang sedia untuk dijual. Profil kematangan aset dan liabiliti KWSP juga dipantau berdasarkan tahap yang telah ditetapkan. Liabiliti kewangan Kumpulan dan KWSP dikategorikan kepada kumpulan kematangan yang relevan mengikut tempoh berbaki pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan sehingga tarikh matang berkontrak.

PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO

PENGURUSAN RISIKO TEKNOLOGI

Pengurusan Risiko Teknologi (TRM) memberikan penilaian risiko bebas kepada sistem dan projek teknologi maklumat di seluruh organisasi. Di samping itu, TRM juga mengesyorkan kawalan keselamatan yang berkesan untuk mengurangkan risiko demi menjamin perlindungan yang lebih baik terhadap misi sistem IT kritikal iaitu menyimpan, memproses dan menghantar maklumat sensitif.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Teknologi

Rangka kerja Pengurusan Risiko Teknologi (TRMF) merupakan satu struktur yang formal dan berkesan untuk mengurus risiko berkaitan teknologi dengan lebih baik, meningkatkan ketahanan teknologi dan maklumat, serta tadbir urus keselamatan.

Rangka kerja ini dibangunkan dengan garis panduan yang telah ditambahbaik dan komprehensif untuk mengekalkan daya tahan KWSP terhadap ancaman teknologi dan siber. Ini akan membolehkan KWSP melakukan penilaian sendiri secara berterusan dalam memastikan risiko teknologi dan siber diuruskan dengan baik.

Rangka kerja pengurusan risiko teknologi diterangkan dalam rajah di bawah:



TADBIR URUS
6

PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

PENGENALAN

Pernyataan ini adalah selaras dengan *Statement on Risk Management & Internal Control – Guidelines for Directors of Listed Issuers* (Garis Panduan), yang dikeluarkan oleh pasukan petugas khas industri yang diiktiraf oleh Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Garis Panduan ini juga selaras dengan Prinsip B, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia yang dikeluarkan pada April 2017 yang menyatakan bahawa Lembaga perlu mewujudkan rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang berkesan.

Untuk tahun 2020, pernyataan ini mengambil kira pandemik COVID-19, yang telah dikenal pasti sebagai satu sumber risiko utama KWSP. Pada tahun ini, terdapat perubahan pada polisi pengeluaran KWSP dengan pelaksanaan program i-Lestari dan i-Sinar serta Program Bantuan Majikan COVID-19 (e-CAP). Berdepan dengan cabaran-cabaran akibat pandemik COVID-19, KWSP telah berjaya melaksanakan tindakan yang diperlukan untuk sentiasa kekal berwaspada. Sebagai contoh, KWSP telah memperkenalkan Janji Temu *Online* (JTO), satu perkhidmatan yang *low-touch, high-distance* di musim pandemik ini.

Selain itu, pandemik ini juga telah mengubah kesediaan tenaga kerja untuk disesuaikan dengan cara kerja baru, serta mengubah cara KWSP berkomunikasi dan menyampaikan produk dan perkhidmatan kepada semua pihak berkepentingan. Penjelasan mengenai langkah-langkah yang telah diambil oleh KWSP bagi menangani cabaran-cabaran yang disebabkan oleh pandemik ini ada diperjelaskan di seksyen Laporan Khas Laporan Tahunan ini.

Kenyataan ini menunjukkan komitmen KWSP yang tinggi dalam mengekalkan tahap keberkesanan pengurusan risiko dan rangka kerja kawalan dalaman semasa menguruskan kesan pandemik di samping perubahan-perubahan lain yang dihadapi KWSP pada tahun ini.

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA

Lembaga Pengarah memperakui tanggungjawabnya secara keseluruhan dengan memastikan tahap kesesuaian dan keberkesanan pengurusan risiko dan kerangka kawalan dalaman KWSP mampu membolehkan objektif organisasi tercapai.

Rangka kerja ini direka bagi mengenal pasti, menganalisis dan menilai risiko yang signifikan sehingga membantu Lembaga membuat keputusan yang terbaik selaras dengan peranannya untuk mengawalselia risiko bagi memastikan risiko tersebut dapat dikurangkan dengan sebaik mungkin. Oleh itu, sistem kawalan dalaman disediakan untuk menguruskan dan bukan untuk

melenyapkan risiko tersebut. Dalam kata yang lain, ia dapat memberikan jaminan yang munasabah dan bukan jaminan secara mutlak.

Bagi melaksanakan tanggungjawab pengawasan dengan berkesan, tiga (3) jawatankuasa telah ditubuhkan:

- Jawatankuasa Audit Lembaga (BAC) dalam proses kawalan dalaman, tadbir urus dan pengurusan risiko kecuali aktiviti dalam membuat keputusan Pelaburan.
- Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga (BRMC) menyelia aktiviti-aktiviti pengurusan risiko kecuali aktiviti dalam membuat keputusan Pelaburan; dan
- Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan (IPRC) dalam perkara berkaitan pengurusan risiko pelaburan meliputi tahap risiko, ukuran risiko, polisi dan had kecuali aktiviti melibatkan operasi pelaburan.

Maklumat lanjut mengenai IPRC ada dinyatakan dalam Pernyataan Pengurusan Risiko Pelaburan.

TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN

Pengurusan bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar dan prosedur Lembaga mengenai risiko dan kawalan, yang terdiri daripada:

- Mengenal pasti risiko yang relevan dalam mencapai objektif dan strategi KWSP;
- Merekabentuk, melaksana dan memantau rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman selaras dengan visi strategik dan tahap risiko keseluruhan KWSP; dan
- Mengenal pasti perubahan kepada risiko dan risiko yang bakal muncul, mengambil tindakan apabila diperlukan dan seterusnya memaklumkan kepada Lembaga tepat pada waktunya.

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

KWSP mempunyai rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang berkesan, sebahagian daripada amalan tadbir urus korporat yang baik. KWSP menerima pakai Model Tiga Barisan Pertahanan. Jabatan dan cawangan yang merupakan barisan pertahanan pertama yang bertanggungjawab untuk memastikan persekitaran risiko dan kawalan diwujudkan dan beroperasi dengan berkesan sebagai sebahagian operasi harian.

Barisan pertahanan kedua merupakan Jabatan Pengurusan Risiko yang membangunkan rangka kerja pengurusan risiko, polisi, metodologi, dan cara untuk menguruskan risiko utama di dalam organisasi.

Jabatan Audit Dalam yang merupakan barisan pertahanan ketiga menilai keberkesanan dan kecukupan sistem kawalan dalaman, pengurusan risiko operasi dan proses tadbir urus.

PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Sistem dan proses utama yang telah diwujudkan oleh Lembaga untuk mengkaji semula kecukupan dan keberkesanan rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman adalah seperti berikut:

(a) Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi

Lembaga telah mengguna pakai Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi (ORM) berasaskan *ISO 31000:2018 Risk Management – Guidelines* yang menggariskan prinsip, polisi dan proses bagi menguruskan risiko operasi di KWSP. Pada tahun 2020, KWSP telah mewujudkan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Teknologi (TRMF) sebagai langkah penambahbaikan kepada rangka kerja ORM sedia ada.

KWSP telah menetapkan tanggungjawab dan akauntabiliti yang jelas berkenaan proses pengurusan risiko. Tanggungjawab utama risiko dan kawalan di bawah struktur pengurusan risiko terdiri daripada:

- (i) Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga (BRMC) bagi mengawasi semua aktiviti pengurusan risiko operasi dan memastikan proses pengurusan risiko diwujudkan dan berfungsi dengan berkesan. Jawatankuasa ini menyemak semula dan mencadangkan strategi pengurusan risiko dan menilai kecukupan rangka kerja pengurusan risiko.
- (ii) BRMC dibantu oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi (MORC) yang mengkaji semula rangka kerja pengurusan risiko dan memastikan keberkesanan pelaksanaannya dalam organisasi.

(b) Rangka Kerja Kawalan Dalaman

Sistem dan rangka kerja kawalan dalaman adalah berdasarkan *COSO Internal Control Integrated Framework*, penanda aras antarabangsa yang diiktiraf dalam pengurusan risiko dan kawalan dalaman, yang menggariskan lima komponen kawalan yang saling berkait rapat - persekitaran kawalan, Penarafan Risiko, Aktiviti Kawalan, Maklumat dan Komunikasi, dan Pemantauan.

Jabatan Audit Dalam menyediakan jaminan yang bebas dan munasabah ke atas kecukupan dan keberkesanan rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman kepada Jawatankuasa Audit Lembaga. Jawatankuasa Audit Lembaga mengkaji semula isu kawalan dalaman yang dikenalpasti dalam laporan yang disediakan oleh juruaudit dalaman dan luaran.

Jawatankuasa juga mengkaji semula fungsi audit dalam dengan memberi penekanan ke atas kebebasan audit dalam, skop, sumber dan kualiti pengauditan yang telah dilaksanakan.

Aktiviti Jawatankuasa yang terperinci dinyatakan di dalam Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga dan Pernyataan Audit Dalaman dalam Laporan Tahunan.

ELEMEN UTAMA KAWALAN DALAMAN

(a) Persekitaran Kawalan

Persekitaran kawalan menetapkan halatuju organisasi, mempengaruhi tahap kesedaran kawalan di kalangan anggotanya. Ia merupakan asas kepada semua komponen kawalan dalaman yang lain, menerapkan disiplin serta struktur. Aktiviti-aktiviti utama termasuk:

(i) Terma Rujukan

Terma rujukan mendefinisikan peranan dan tanggungjawab semua Jawatankuasa Lembaga dan Panel Pelaburan dinyatakan dalam Pernyataan Tadbir Urus Korporat.

(ii) Struktur Organisasi

Struktur organisasi telah mentakrifkan dengan jelas berkenaan akauntabiliti, delegasi tanggungjawab dan tahap autoriti bagi semua aspek bisnes. Jawatankuasa pengurusan bermesyuarat secara kerap untuk mengenalpasti, berbincang dan menyelesaikan isu operasi, kewangan, pelaburan dan isu utama pengurusan serta melaporkan secara berkala kepada Lembaga, Panel Pelaburan dan Jawatankuasa berkenaan.

(iii) Polisi dan Prosedur Sumber Manusia

KWSP mempunyai garis panduan yang teratur mengenai pengambilan dan pemecatan kakitangan, program latihan kakitangan, penilaian prestasi tahunan dan prosedur-prosedur lain yang berkaitan bagi memastikan kakitangan berdaya saing dan dilatih secukupnya untuk menjalankan tanggungjawab mereka. Pada tahun 2020, disebabkan oleh pandemik COVID-19 ini dan sebagai persiapan untuk menghadapi kemungkinan-kemungkinan lain yang seumpamanya, KWSP telah mempercepatkan pelaksanaan *MyFLEX Place* dan memperkenalkan *Smart Work Arrangement Info Kit*. Langkah-langkah ini membolehkan anggota bekerja dari rumah, di luar pejabat dan mengikut pasukan. Pelbagai kawalan dan infrastruktur disediakan untuk mengurus dan

PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

memastikan anggota terus diberikan sokongan disamping memastikan kesinambungan, produktiviti dan kelestarian perniagaan.

(iv) Pembudayaan Integriti

Sebagai pemegang amanah yang ditugaskan untuk menguruskan simpanan ahli KWSP, pelbagai program dan inisiatif dilaksanakan untuk memupuk dan mengukuhkan budaya integriti seperti pengisytiharan harta oleh anggota, pengisytiharan konflik kepentingan dalam proses perolehan dan proses pelaburan dan juga polisi tiada hadiah.

Ikrar Integriti Korporat merupakan komitmen KWSP bagi mendukung integriti, yakni penting untuk mewujudkan persekitaran bisnes dan operasi yang telus dan selaras dengan amalan terbaik global bagi tadbir urus.

KWSP telah memperkenalkan Pernyataan Anti-Rasuah yang berpegang teguh kepada prinsip toleransi sifar terhadap rasuah dan perlakuan tidak beretika dalam melaksanakan urusan operasi. Pada tahun 2020, Jawatankuasa Integriti Pengurusan telah ditubuhkan untuk memberi input kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga (BRMC) bagi membolehkan Jabatan Integriti & Tadbir Urus (JITU) melaksanakan fungsi utama integriti (pengurusan aduan, pengesanan dan pengesahan, tabir urus dan komunikasi serta program *outreach* Integriti) secara bebas dan adil dalam memberikan nasihat kepada Lembaga, Pengurusan dan anggota KWSP.

(v) Kod Etika KWSP

Kod Etika KWSP menyediakan panduan kepada anggota dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka, selaras dengan Visi, Misi dan Nilai Bersama KWSP. Kod ini bertujuan untuk menjelaskan tingkah laku beretika mengikut undang-undang, polisi, dan prosedur yang berkuatkuasa.

(b) Penarafan Risiko

Penarafan risiko merangkumi proses dinamik dan berterusan bagi mengenal pasti dan menilai risiko yang boleh menghalang pencapaian objektif. Aktiviti utama adalah termasuk Kadskor Risiko Korporat (CRS). Metodologi Kadskor Risiko Korporat (CRS) ialah satu pendekatan pengurusan risiko yang terperinci di mana risiko dikenal pasti berdasarkan sumber dalaman dan luaran, dan dianalisis, dinilai, dirawat dan dipantau. CRS membolehkan Penilaian

Kendiri Risiko dan Kawalan (RCSA) secara berterusan dilaksanakan supaya anggota boleh membuat penilaian sendiri dan mengemaskini profil risiko mereka.

(c) Aktiviti Kawalan

Aktiviti kawalan ialah polisi dan prosedur yang membantu memastikan arahan pengurusan dijalankan dengan berkesan. Ia membantu memastikan tindakan yang bersesuaian diambil bagi memitigasi risiko yang menghalang pencapaian objektif organisasi. Aktiviti-aktiviti utama termasuk:

(i) Pengurusan Prestasi Perniagaan

KWSP menggunakan metodologi *Balanced Scorecard* bagi menterjemahkan dan melaksanakan strategi selari dengan visi dan misi serta memacu prestasi organisasi. Prestasi organisasi dinilai melalui beberapa Petunjuk Prestasi Utama dan diintegrasikan dengan pengurusan risiko, bagi memastikan Pengurusan dapat mengenalpasti dan mengawalselia risiko utama yang memberi kesan kepada objektif organisasi.

(ii) Pelan Boleh Ubah 3 Tahun

Kesan daripada pandemik COVID-19, Pelan Boleh Ubah 3 Tahun telah dikaji semula pada tahun 2020, yang menyebabkan berlakunya perubahan pada keseluruhan strategi KWSP. Kami telah membuat penilaian semula terhadap kad skor kami bagi membolehkan kami membuat perubahan yang penting disebabkan oleh pandemik ini. Penilaian ini telah menyebabkan strategi dan inisiatif yang berkaitan dengan digital telah dipercepatkan sementara projek-projek sedia ada disemak semula keutamaannya untuk disesuaikan dengan norma baru. Pelan ini dikaji semula oleh Jawatankuasa Pengurusan dan diluluskan oleh Lembaga.

(iii) Risk Culture Index

Risk Culture Index telah diwujudkan sebagai Petunjuk Prestasi Utama dalam jabatan dan cawangan dengan objektif untuk meningkatkan amalan pengurusan risiko di KWSP.

(iv) Polisi dan Prosedur

Polisi dan prosedur bagi memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman (seperti pengasingan tugas, proses penyemakan dan pengesahan secara bebas serta kawalan capaian sistem) yang dinyatakan dalam manual operasi, garis panduan dan pekeliling

PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

yang dikeluarkan oleh KWSP dikemaskini secara berkala dan diperakui ketua-ketua Jabatan, Ketua Bahagian dan Ketua Pengawai Eksekutif. Terdapat garis panduan polisi dan had penurunan kuasa yang dikenakan terhadap Pengurusan berkaitan operasi harian.

(v) Pengurusan Keselamatan Teknologi Maklumat (IT)

Pengurusan keselamatan IT di KWSP adalah berdasarkan ISO 27001. Ia menggariskan kawalan dan prosedur yang sesuai untuk memastikan kerahsiaan, integriti dan maklumat yang lengkap serta sistem aplikasi. Pada tahun 2020, kewujudan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Teknologi (TRMF) telah membolehkan KWSP untuk mengintegrasikan semua risiko teknologi dalam rangka kerja ORM yang sedia ada. Ini membolehkan kami untuk sentiasa menambahbaik dari segi seni bina dan reka bentuk keselamatan untuk menguatkan kawalan-kawalan keselamatan, memitigasi risiko utama teknologi dan siber.

Satu struktur tadbir urus yang jelas telah diwujudkan untuk mengurus risiko teknologi. Struktur ini terdiri daripada Jawatankuasa Kerja Risiko Digital (DRWC), Jawatankuasa Pengurusan Risiko Digital (DMRC) dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga (BRMC).

Semua jawatankuasa ini mempunyai peranan dan tanggungjawab serta Terma Rujukan masing-masing bagi memastikan keputusan-keputusan yang dibuat adalah sejajar dengan tahap risiko KWSP.

(vi) Polisi *Chinese Wall*

Polisi dan prosedur *Chinese Wall* ini telah diperkenalkan untuk mengawal daripada berlaku sebarang kompromi terhadap prinsip-prinsip integriti, ketelusan dan akauntabiliti dengan mengawal, menyekat dan mengurus aliran maklumat yang boleh mempengaruhi harga sesuatu saham.

(vii) Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (BCM)

Pelan dan sistem BCM sentiasa dipantau, diuji, dikemaskini dan kemudiannya disampaikan kepada setiap peringkat dalam organisasi untuk memastikan organisasi sentiasa bersedia sekiranya berlaku krisis atau bencana. Pada tahun 2020, Program BCM KWSP memastikan kami dapat meneruskan sebarang operasi kritikal dalam jangka masa yang ditetapkan dan

meminimumkan kos kerosakan dan gangguan akibat pandemik COVID-19.

Penubuhan Pusat Arahan COVID-19 (CCC) untuk menyelaras semua perkara berkaitan pandemik untuk KWSP membuktikan komitmen kami dalam menguruskan BCM dalam sebarang keadaan untuk memastikan perkhidmatan kami kepada pelanggan dapat berfungsi semula dengan cekap apabila berlaku sebarang gangguan, untuk memitigasi risiko reputasi. Untuk mencapai objektif tersebut, kami memastikan tiga elemen utama; sumber manusia, pelan dan infrastruktur sentiasa bersedia untuk digerakkan semasa sebarang bencana.

Semua inisiatif adalah mematuhi garis panduan Pentadbiran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) dan dikemas kini dengan sewajarnya untuk mematuhi prosedur operasi standard (SOP) agensi kerajaan berkaitan mengenai langkah pencegahan COVID-19.

(viii) Perlindungan Insurans

Perlindungan insurans yang mencukupi bagi aset utama telah sedia ada bagi memastikan aset KWSP dilindungi daripada sebarang kejadian tidak diingini yang boleh menyebabkan kerugian material.

(ix) Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah

KWSP telah mewujudkan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah untuk memastikan pematuhan yang ketat terhadap keperluan syariah dalam pengurusan Simpanan Syariah. Rangka kerja tadbir urus ini diwujudkan bagi memastikan Simpanan Syariah KWSP diuruskan mengikut syariah sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 43A Akta KWSP 1991 dan Kaedah-Kaedah KWSP (Akaun Simpanan Syariah) 2016, termasuk penubuhan Jawatankuasa Penasihat Syariah (JKPS) bagi menasihati Lembaga dan Panel Pelaburan dalam memastikan pengurusan Simpanan Syariah KWSP mematuhi prinsip syariah. Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah ini merangkumi empat fungsi iaitu penyelidikan dan penasihat syariah, pengurusan risiko syariah, pemantauan dan semakan syariah, dan audit syariah.

Rangka kerja tersebut menggariskan struktur dan dasar tadbir urus syariah seperti yang dinyatakan dalam Pernyataan Tadbir Urus Syariah bagi Simpanan Syariah dalam Laporan Tahunan.

PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

(d) Maklumat dan Komunikasi

Maklumat dan Komunikasi menyokong semua komponen kawalan yang lain dengan langkah berkomunikasi mengenai tanggungjawab kawalan kepada anggota dan menyediakan maklumat dalam kaedah dan tempoh masa yang membolehkan anggota menjalankan tugas mereka. Aktiviti utama termasuk:

(i) Pelan Kawalan Pengurusan Fraud

Pelan Kawalan Pengurusan Fraud termasuk Penilaian Risiko Fraud, Polisi Anti Fraud dan Polisi Perlindungan maklumat menggariskan pendekatan KWSP terhadap pencegahan, pengesanan, pelaporan dan pengendalian fraud.

(ii) Komunikasi Pengurusan Risiko Operasi (ORM)

Prinsip, rangka kerja dan proses ORM yang digunakan oleh KWSP telah dimaklumkan kepada semua anggota agar mereka memahami dengan lebih baik mengenai amalan yang sedang digunakan. EPF COVID-19 Command Centre (CCC) memainkan peranan penting dalam memastikan maklumat dan pendedahan berkaitan operasi, koordinasi sumber dalaman, serta kesedaran dan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) kesihatan dan keselamatan disampaikan pada masa yang ditetapkan.

(e) Pemantauan

Pemantauan dan penilaian berterusan berkaitan keberkesanan kawalan dalaman telah diterapkan dalam proses bisnes di pelbagai peringkat dalam organisasi. Aktiviti-aktiviti utama termasuk:

(i) Sistem Pengurusan Risiko Operasi

Satu sistem pengurusan risiko operasi bersepadu digunakan untuk memantau dan mengurus pendedahan KWSP kepada risiko. Risiko utama dikenalpasti dan keberkesanan kawalan dalaman dinilai dan disahkan secara elektronik oleh jabatan dan cawangan masing-masing pada masa yang ditentukan. Jika risiko yang telah dimitigasi masih tidak berada pada tahap boleh terima, pelan tindakan individu akan dikenalpasti dan pelaksanaannya dipantau untuk mengurangkan jurang tersebut. Semua risiko berkaitan dengan pandemik COVID-19 yang memberi impak kepada unit perniagaan, jabatan dan cawangan dikesan, direkod, dimitigasi dan dilaporkan dalam sistem ORM dan dikaji secara berkala.

(ii) Kekerapan Pelaporan

Terdapat proses yang mencukupi untuk membincangkan isu mengenai pengurusan risiko dan kelemahan kawalan dalaman dan ia dilaporkan secara kerap kepada Pengurusan melalui pelbagai jawatankuasa. Pengurusan menilai dan berkomunikasi dengan pihak yang dipertanggungjawabkan untuk mengambil tindakan pembetulan dalam tempoh yang ditentukan.

(iii) Aktiviti Pemantauan Oleh Audit Dalam

Keputusan bagi semua aktiviti pengauditan dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga dan dikomunikasi kepada pihak Pengurusan. Jabatan Audit Dalam mempunyai proses susulan bagi memantau dan membantu memastikan semua pemerhatian audit dan penyelesaian yang dipersetujui ditangani dengan segera.

(iv) Standard Pengurusan Sistem Kualiti

Semua proses teras KWSP mematuhi piawaian MS ISO 9001: 2015 Quality Management System.

JAMINAN MENGENAI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga berpandangan bahawa rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman KWSP adalah berkesan dan mencukupi untuk melindungi kepentingan ahli. Pemeriksaan oleh Lembaga terhadap keberkesanan pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman disokong oleh:

- (a) Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun untuk mengawasi aktiviti pengurusan risiko.
- (b) Jawatankuasa Audit Lembaga bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun, mengkaji semula penemuan dan cadangan yang dikenalpasti oleh juruaudit dalaman dan luaran.
- (c) Ketua Audit Negara yang mengeluarkan sijil audit tahunan untuk penyata kewangan.
- (d) Jaminan pihak pengurusan bahawa rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman KWSP beroperasi dengan mencukupi dan berkesan di dalam semua aspek.

Pernyataan ini disediakan selaras dengan persetujuan ahli Lembaga bertarikh 27 April 2021.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA

PENGENALAN

Jawatankuasa Audit Lembaga komited dalam melaksanakan peranannya untuk memastikan amalan tadbir urus korporat yang tinggi dan fungsi seliaan terhadap proses pelaporan kewangan, pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman KWSP.

KEAHLIAN

Jawatankuasa Audit Lembaga, bagi tempoh dari 1 Jun 2019 sehingga 31 Mei 2021, dianggotai oleh ahli-ahli yang berikut:

No.	Ahli-Ahli Jawatankuasa Audit Lembaga	Wakil
i.	Khalid Haji Sufat	Pengerusi – Profesional
ii.	Zakiah Jaafar (Dilantik pada 1 Februari 2020) Datin Sefia Nik Roslini Raja Ismail (Ahli Silih Ganti) (Dilantik pada 1 April 2020)	Timbalan Pengerusi – Kerajaan
iii.	Datuk Dr. Philip Ting Ding Ing	Majikan
iv.	Hadiah Leen	Pekerja
v.	Zainal Abidin Mohd Kassim	Profesional

MESYUARAT

Untuk tahun kewangan 2020, Jawatankuasa Audit Lembaga telah mengadakan mesyuarat sebanyak 10 kali: lima mesyuarat Khas Jawatankuasa Audit Lembaga, empat mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga dan satu mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga bersama dengan Jabatan Audit Negara.

Perbincangan mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga adalah menyeluruh dan terperinci. Minit mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga diedarkan kepada ahli Jawatankuasa Audit Lembaga selepas setiap mesyuarat. Lembaga akan dimaklumkan mengenai perkara penting yang dibincangkan semasa mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga.

Maklumat lanjut berkaitan kehadiran Jawatankuasa Audit Lembaga adalah seperti yang terkandung dalam Pernyataan Tadbir Urus Korporat.

TERMA RUJUKAN

Kuasa, tugas, dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit Lembaga digariskan di bawah Terma Rujukan Jawatankuasa Audit Lembaga. Terma Rujukan Jawatankuasa Audit Lembaga yang telah diluluskan oleh Lembaga boleh didapati di laman web rasmi KWSP di www.kwsp.gov.my.

RINGKASAN AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Sepanjang tahun 2020, Jawatankuasa Audit Lembaga telah melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

(a) Audit Dalam

- (i) Meneliti dan meluluskan pelan audit tahunan bagi memastikan kecukupan skop pengauditan dan liputan secara menyeluruh aktiviti-aktiviti KWSP adalah dirancang berdasarkan penilaian risiko yang dilaksanakan. Sebanyak 107 audit telah dicadangkan untuk dilaksanakan dalam Pelan Audit 2021 yang telah diluluskan pada November 2020.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA

- (ii) Meneliti dan membincangkan laporan-laporan Audit Dalam yang dibentangkan dalam tahun semasa serta cadangan-cadangan yang dibuat, punca penyebab utama yang dikenal pasti dan maklum balas Pengurusan terhadap cadangan-cadangan tersebut serta tindakan mitigasi wajar yang diambil oleh Pengurusan untuk mempertingkatkan kecukupan kawalan dalaman dan proses aliran kerja bagi perkara yang dibangkitkan.

Antara topik-topik perbincangan yang diadakan sepanjang tahun adalah mengenai strategi dan pengurusan keselamatan siber, keselamatan data dan tadbir urus IT, termasuk yang melibatkan pengurusan akses, pengurusan data dan pengurusan vendor. Isu-isu dibincangkan secara terperinci bagi mendapatkan kesimpulan yang memuaskan mengenai tindakan oleh Pengurusan untuk masa yang akan datang.

- (iii) Meneliti penemuan siasatan dan kajian khas *ad hoc* berhubung bidang-bidang operasi yang spesifik bagi menentukan punca penyebab isu-isu berbangkit serta keberkesanan tindakan pembedahan yang diambil untuk menangani kelemahan-kelemahan yang telah dikenal pasti.
- (iv) Memantau tindakan pembedahan yang diambil ke atas isu-isu audit yang belum selesai untuk memastikan risiko-risiko utama dan kelemahan kawalan ditangani dengan sewajarnya.
- (v) Meneliti keberkesanan proses audit, keperluan tenaga kerja tahunan dan menilai prestasi Jabatan Audit Dalam dua kali setahun dan memberikan maklum balas secara bertulis untuk tujuan penambahbaikan.

Perkara-perkara yang dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga meliputi status pelaksanaan pelan audit, skop dan risiko diaudit, analisa punca penyebab utama, ringkasan penggredan audit bagi auditan yang telah dilaksanakan, ringkasan pemerhatian audit dan cadangan audit untuk penambahbaikan proses perniagaan, hasil penilaian oleh pihak diaudit, status penggunaan bajet, ringkasan kursus yang dihadiri oleh juruaudit, inisiatif penggunaan *data analytics* dan inisiatif-inisiatif penambahbaikan lain yang dilaksanakan oleh Jabatan Audit Dalam.

- (vi) Meneliti dan memperakukan pendedahan terhadap Pernyataan Audit Dalam dan Pernyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman untuk dipaparkan dalam Laporan Tahunan.
- (vii) Meneliti dan membincangkan Laporan Jaminan Kualiti yang disediakan oleh PricewaterhouseCoopers Risk Services Sdn. Bhd. untuk memastikan pematuhan berterusan dengan *International Standards* yang ditetapkan oleh The Institute of Internal Auditors. Semakan Semula Jaminan Kualiti perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setiap lima tahun oleh perunding bebas bertauliah. Semakan Semula Jaminan Kualiti ke atas Jabatan Audit Dalam telah dilaksanakan pada tahun 2020.

(b) Audit Luar

- (i) Meneliti semua pemerhatian yang dikenal pasti oleh juruaudit luar serta maklum balas Pengurusan terhadap penemuan tersebut.
- (ii) Mesyuarat bersama Jabatan Audit Negara pada 2 Oktober 2020 diadakan tanpa kehadiran Pengurusan untuk membincangkan isu-isu berkaitan dan mendapatkan maklum balas untuk penambahbaikan.

(c) Laporan Kewangan

Meneliti laporan kewangan suku tahunan yang belum diaudit dan laporan kewangan tahunan beraudit KWSP sebelum memperakukan kepada Lembaga untuk kelulusan dengan tumpuan kepada:

- (i) Implikasi pindaan polisi dan praktis perakaunan kepada penyata kewangan;
- (ii) Perkara-perkara penting yang dibangkitkan termasuk isu-isu laporan kewangan, pertimbangan yang dibuat oleh pengurusan, perkara atau transaksi luar biasa dan cara perkara-perkara ini ditangani; dan
- (iii) Pematuhan peruntukan piawaian perakaunan yang diterima pakai di Malaysia dan peraturan undang-undang yang lain.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA

(d) Urus Niaga Pihak Berkaitan

Meneliti transaksi urus niaga pihak berkaitan oleh KWSP dan semua anak syarikat seperti yang dinyatakan dalam penyata kewangan.

LATIHAN

Sepanjang tahun 2020, ahli-ahli Jawatankuasa Audit Lembaga telah menghadiri pelbagai program latihan, persidangan dan seminar seperti berikut:

Bil.	Kursus
1.	<i>Board Strategy Meeting 2020: Sustainability in the Next Normal</i>
2.	<i>Digital Transformation for the EPF's Board/Investment Panel/Shariah Advisory Committee and Top Management: Latest World Trends in the Digitalization of Corporations and Business</i>
3.	<i>Shariah Audit Committee Conference 2020: Insights on Roles and Issues on Enhancing Governance Within the New Framework, Both Locally and International Jurisdictions</i>
4.	<i>Cyber Awareness Updates: Protection of the Confidentiality and Integrity of Information and Assets</i>
5.	<i>Latest Cybersecurity Threats and Landscape: Updating on Recent Developments on Cybersecurity</i>
6.	<i>Corporate Liability Provision MACC (Amendments) Act 2018: Liabilities of Directors Under New Amended Provisions</i>
7.	<i>Shariah Governance Policy and Resolutions (SGPD) of BNM Shariah Advisory Council: Overview, Highlights and Resolutions of SGPD and E-Money Operationalization</i>
8.	<i>Shariah Governance Policy Document: Updates on Shariah Governance in Takaful</i>
9.	<i>Takaful 101: Takaful Principles and Operations</i>
10.	<i>Fundamentals of Reinsurance and Retrocession: Reinsurance and Retrocession Principles and Assets</i>
11.	<i>Anti-Money Laundering 2020: Risks During Pandemic, Latest Amendments</i>
12.	<i>Top 10 Challenges in Social Protection</i>
13.	<i>Onboarding for Board Members and Investment Panel</i>

FUNGSI AUDIT DALAM

Jawatankuasa Audit Lembaga disokong oleh Jabatan Audit Dalam dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Jabatan Audit Dalam melapor terus kepada Jawatankuasa Audit Lembaga dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti audit dalaman berdasarkan pelan audit tahunan yang telah diluluskan.

Jabatan Audit Dalam memberikan jaminan objektif yang bebas serta khidmat nasihat yang dirancang untuk memberi nilai tambah demi penambahbaikan operasi KWSP. Jabatan Audit Dalam membantu KWSP mencapai objektifnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin dalam menilai dan mempertingkatkan keberkesanan proses-proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus.

Maklumat lanjut berkaitan fungsi audit dalam adalah seperti yang terkandung di Pernyataan Audit Dalam.

PERNYATAAN AUDIT DALAM

PENGENALAN

Jabatan Audit Dalam memberikan jaminan objektif yang bebas serta khidmat nasihat yang dirancang untuk memberi nilai tambah bagi penambahbaikan operasi KWSP. Jabatan Audit Dalam membantu KWSP mencapai objektifnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin dalam menilai dan mempertingkatkan keberkesanan proses-proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus.

KEBEBASAN DAN OBJEKTIVITI

Ketua Jabatan Audit Dalam melaporkan secara fungsional kepada Jawatankuasa Audit Lembaga dan secara pentadbiran kepada Ketua Pegawai Eksekutif. Aktiviti-aktiviti Jabatan Audit Dalam adalah bebas daripada sebarang pengaruh dalam menentukan skop pengauditan dan pelaksanaan kerja serta memaklumkan hasil auditan.

Bagi menjaga status kebebasannya, Jabatan Audit Dalam tidak mempunyai sebarang kuasa eksekutif atau pengurusan, autoriti, fungsi atau tanggungjawab kecuali berkaitan dengan pengurusan Jabatan Audit Dalam. Jabatan Audit Dalam juga tidak bertanggungjawab terhadap pembangunan atau pelaksanaan terperinci sistem, perancangan, peraturan, polisi atau prosedur baru.

SKOP KERJA

Fungsi Jabatan Audit Dalam merangkumi pengauditan kewangan, operasi, pematuhan dan pengurusan KWSP. Skop kerja Jabatan Audit Dalam yang paling utama adalah menentukan sama ada proses-proses pengurusan risiko, sistem kawalan dalaman, sistem pengurusan maklumat dan tadbir urus KWSP seperti yang dirancang dan dilaksanakan oleh Pengurusan adalah mencukupi dan berfungsi dengan berkesan supaya:

- risiko dikenal pasti dan diuruskan dengan sewajarnya;
- sumber-sumber diperoleh secara ekonomik dan digunakan secara efektif dan efisien;
- aset adalah terpelihara;
- maklumat penting mengenai pengurusan, kewangan dan operasi adalah tepat, munasabah dan disediakan dalam tempoh yang ditetapkan;
- peraturan dan undang-undang, polisi, piawaian dan prosedur yang diguna pakai adalah dipatuhi; dan
- objektif dan matlamat yang ditetapkan dicapai.

Skop kerja Jabatan Audit Dalam juga merangkumi:

- pelaksanaan siasatan khas atas permintaan Pengurusan / Jawatankuasa Audit Lembaga;
- bekerjasama dengan juruaudit luar untuk memastikan liputan pengauditan adalah mencukupi, serta meminimumkan pertindihan kerja;

- penglibatan sebagai pemerhati dalam aktiviti-aktiviti Pengurusan Kesenambungan Perniagaan untuk memberikan pemerhatian bebas mengenai kesediaan pemulihan perniagaan / sistem untuk kembali / pulih (sekiranya bencana berlaku) dalam masa yang ditetapkan; dan
- penglibatan sebagai pemerhati dalam jawatankuasa-jawatankuasa pengurusan yang ditubuhkan untuk pembangunan atau pelaksanaan sistem atau proses baru. Penglibatan tersebut adalah terhad kepada pemberian khidmat nasihat berkaitan kawalan dalaman dan hal ini tidak akan menghalang Jabatan Audit Dalam daripada menjalankan pengauditan ke atas sistem atau proses berkenaan.

Jabatan Audit Dalam membangunkan pelan audit dengan berdasarkan risk-based, dengan mempertimbangkan objektif strategik KWSP serta ulasan daripada Jawatankuasa Audit Lembaga dan Pengurusan Tinggi. Pengauditan yang dijalankan telah diberi keutamaan berdasarkan penilaian risiko yang wujud, risiko kawalan dan risiko pengesanan bagi setiap operasi, fungsi dan sistem teknologi maklumat.

Dalam tahun kewangan 2020, 107 laporan telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga. Jabatan Audit Dalam akan melaporkan status pemerhatian audit yang belum diselesaikan kepada Pengurusan pada setiap suku tahun dan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga pada setiap setengah tahun. Status pelaksanaan tindakan-tindakan yang telah dipersetujui oleh Pengurusan akan terus dipantau oleh Jabatan Audit Dalam.

SUMBER JABATAN AUDIT DALAM

Jawatankuasa Audit Lembaga meneliti dan meluluskan keperluan sumber manusia Jabatan Audit Dalam bagi memastikan Jabatan Audit Dalam mempunyai bilangan juruaudit yang mencukupi dan kompeten. Setakat 31 Disember 2020, Jabatan Audit Dalam mempunyai kekuatan tenaga kerja seramai 88 juruaudit daripada pelbagai latar belakang dan kepakaran, seperti berikut:

Bil.	Bidang Kepakaran	Bilangan Juruaudit	Peratusan
1.	Kewangan dan Perakaunan	59	67%
2.	Teknologi Maklumat	14	16%
3.	Pentadbiran Perniagaan	13	15%
4.	Kejuruteraan / Juruukur Bahan	2	2%
Jumlah		88	100%

PERNYATAAN AUDIT DALAM

SIJIL PROFESIONAL DAN PEMBANGUNAN KOMPETENSI YANG BERTERUSAN

Jabatan Audit Dalam komited dalam melengkapi juruaudit dengan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka. Juruaudit juga digalakkan untuk mendapatkan pensijilan dan kelayakan profesional yang bersesuaian untuk memartabatkan kecekapan masing-masing. Setakat 31 Disember 2020, 22 juruaudit mempunyai sejumlah 31 pensijilan dan kelayakan profesional yang dianugerahkan oleh pelbagai badan profesional yang diiktiraf. Pensijilan dan kelayakan profesional adalah seperti *Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)*, *Certified Practising Accountants (CPA) Australia*, *Certified Internal Auditor (CIA)*, *Certified Information Systems Auditor (CISA)*, *Certified Fraud Examiner (CFE)* dan sebagainya.

Pada tahun 2020, pelbagai program latihan berterusan telah dihadiri juruaudit untuk melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan audit dalaman dan pengetahuan produk yang diperlukan, kemahiran insaniah ke atas kepimpinan, komunikasi, dan rundingan untuk meningkatkan prestasi kerja dan prospek kerjaya. Senarai kursus yang dihadiri adalah seperti berikut:

Kursus Dalaman	
1.	<i>Implementing Data Analytics in Internal Audit</i>
Kursus Luaran	
1.	<i>CAE Summit 2020: Assurance in Real Time</i>
2.	<i>IIAM National Conference 2020: Braving Uncertainty</i>
3.	<i>Governance Symposium 2020: Driving Governance in the New Normal – The Future Begins Now</i>
4.	<i>Shariah Audit Conference 2020: Mainstreaming Shariah Audit in Islamic Finance</i>
5.	<i>Leadership Energy Summit Asia (LESA) 2020: Navigating Uncertainty with Leadership Energy in Action</i>
6.	<i>Corporate Liability: The Ins and Outs of Section 17A of the MACC Act 2009</i>
7.	<i>COVID-19 Related Financial Reporting Issues</i>
8.	<i>Mastering Cybersecurity to Mitigate Fraud</i>
9.	<i>Contract Management and Legal Aspects</i>
10.	<i>Private Equity Academy 2020</i>
11.	<i>CAE Summit 2020</i>
12.	<i>IIAM National Conference 2020</i>
13.	<i>Governance Symposium 2020</i>
14.	<i>Shariah Audit Conference 2020</i>
15.	<i>Leadership Energy Summit Asia (LESA) 2020</i>

PROGRAM KUALITI DAN PENAMBAHBAIKAN

Program Kualiti dan Penambahbaikan akan diteruskan untuk menilai kualiti proses audit, selaras dengan keperluan *International Standards for the Professional Practice of Internal Auditing* yang ditetapkan oleh *The Institute of Internal Auditors*. Cadangan dan peluang penambahbaikan dikenal pasti melalui penilaian dalaman dan penilaian luaran.

Penilaian dalaman dilaksanakan secara tahunan oleh pasukan Jaminan Kualiti yang di bawah penyeliaan Ketua Jabatan Audit Dalam.

Keperluan untuk membuat Semakan Semula Jaminan Kualiti adalah termaktub dalam Piagam Audit Dalam yang perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setiap lima tahun oleh perunding bebas bertauliah. Penilaian kualiti luaran meliputi skop luas yang termasuk pematuhan terhadap Definisi Pengauditan Dalaman, Piawaian dan Kod Etika dan Piagam Audit Dalam, Pelan Audit, polisi dan prosedur selaras dengan keperluan *International Standards for the Professional Practice of Internal Auditing* oleh *The Institute of Internal Auditors* dan amalan terbaik industri. Hasil kajian oleh perunding bebas didokumentasikan dalam laporan yang dibentangkan kepada JAL.

Berdasarkan penilaian PricewaterhouseCoopers Risk Services Sdn. Bhd. pada tahun 2020, Jabatan Audit Dalam secara keseluruhan mematuhi *International Standards for the Professional Practice of Internal Auditing* yang ditetapkan oleh *The Institute of Internal Auditors*.

PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO PELABURAN

TANGGUNGJAWAB

Berdasarkan Seksyen 18 (1) Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 1991, Panel Pelaburan bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berkaitan pelaburan KWSP dan menggalas tanggungjawab terhadap rangka kerja pengurusan risiko pelaburan. Rangka kerja ini diwujudkan untuk memberi jaminan yang munasabah serta mengurus risiko dan bukan untuk menghapuskan risiko salah nyata atau kerugian dalam melaksanakan dasar dan objektif pelaburan organisasi.

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO PELABURAN

Rangka kerja pengurusan risiko pelaburan KWSP merangkumi struktur tadbir urus, tahap risiko, alokasi aset, pelbagai polisi dan proses. Rangka kerja ini sentiasa dikaji semula bagi memastikan ianya relevan dan berkesan.

STRUKTUR PENGURUSAN RISIKO PELABURAN

Panel Pelaburan bertanggungjawab untuk mengawasi pengurusan risiko berkaitan dengan keputusan pelaburan yang dibuat oleh KWSP.

Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan bertanggungjawab untuk membantu Panel Pelaburan memperakukan tahap risiko dan alokasi belanjawan risiko yang sesuai. Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan sentiasa mengkaji semula pelbagai pengukuran risiko, polisi, proses dan had bagi memastikan keberkesanan berterusan.

Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan dibantu oleh Jawatankuasa Risiko Pengurusan untuk memantau dan mengkaji semula aktiviti-aktiviti pengurusan risiko.

Jabatan Pengurusan Risiko membantu Jawatankuasa Risiko Pengurusan, Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan dan Panel Pelaburan dalam hal-hal berkaitan pengurusan risiko merangkumi penilaian bebas risiko dan risiko kredit, pemantauan dan laporan bagi pendedahan risiko pelaburan KWSP.

KAWALAN RISIKO

Pernyataan Tahap Risiko yang diluluskan oleh Panel Pelaburan menggariskan secara umum tahap risiko yang boleh diterima oleh KWSP dan menjadi asas kepada alokasi dana untuk pelaburan. Kajian semula terhadap alokasi aset sentiasa dilaksanakan untuk memastikan dana yang dilaburkan adalah selaras dengan tahap risiko yang boleh diterima oleh KWSP.

Pelbagai polisi dan had telah disediakan untuk memastikan risiko-risiko dipantau secukupnya bagi setiap kelas aset. Sistem Risiko dan Prestasi telah disediakan dan dipertingkatkan secara berterusan untuk memastikan risiko diukur secara sistematik dan dipantau.

KESIMPULAN

Panel Pelaburan berpandangan bahawa amalan pengurusan risiko pelaburan adalah berkesan untuk melindungi pelaburan KWSP. Panel Pelaburan dibantu oleh Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan yang bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun untuk mengkaji semula laporan risiko dan pematuhan daripada pihak pengurusan.

Pernyataan ini disediakan berdasarkan resolusi semua Ahli Panel Pelaburan bertarikh 26 April 2021.